

BERANGKAT TIBA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Ahad, 25 Mei. -
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
berangkat tiba di Pangkalan Udara
Subang.

>> Muka 2

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam di Pangkalan Udara Subang
dijunjung oleh Menteri Dalam Negeri,
Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk
Seri Nasution bin Ismail. - Foto : Haji Ariffin
Mohd. Noor / Morshidi.



Berita Utama



MEMAJUKAN akses kesihatan
saksama, mengurangkan risiko
kesihatan global

Muka 6



LEBIH 1,000 sertai Program Nuqra
Hajj

Muka 10



BERI pendedahan cara
penyembelihan menurut hukum
syarak

Muka 13



MEREALISASIKAN impian raja,
ratu sehari pada harga berpatutan

Muka 20

Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Jordan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Mei.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
telah berkenan menghantar titah perutusan
tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja
Jordan dan semua ahli kerabat diraja serta
kerajaan dan juga rakyat Jordan
bersempena dengan Hari Kemerdekaan
negara tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam berkenan
menghantar titah perutusan tahniah
kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja
Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan.



Kekuatan munajat penggerak utama capai impian dunia, akhirat

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

SUNGAI HANCHING, Ahad, 25 Mei. - Malam
Munajat bukan hanya saat untuk memohon
keampunan tetapi juga waktu terbaik untuk
meraih impian. Dalam keheningan malam,
seorang mukmin menyerahkan harapan dan
cita-citanya kepada yang Maha Kuasa.

Impian yang disandarkan kepada Allah
Subhanahu Wata'ala bukan hanya dibina
dengan usaha tetapi juga dengan doa,
tawakal dan kesabaran.

Perkongsian ini mengajak kita untuk
memahami bagaimana kekuatan munajat

dapat menjadi penggerak utama dalam
mencapai impian dunia dan akhirat, dengan
hati yang berserah dan yakin kepada
ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala. Di
sinilah bermulanya kekuatan sebenar dari
sujud yang ikhlas, lahirnya kejayaan yang
berkat.

>> Muka 5

Berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Pangkalan Udara Subang (atas), manakala gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah sejurus tiba di hotel persemayaman baginda.

>> Muka 1

Hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Dalam Negeri, Malaysia, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nasution bin Ismail dan Ketua Pegawai Istiadat Kerajaan, Yang Berbahagia Datuk Rozainor bin

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Ramli.

Juga hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin serta para pegawai kanan daripada Tentera Udara Diraja Malaysia.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia daripada Batalion Pertama kemudian melintasi Barisan Rejimen Renjer Diraja (Infantri Istiadat).

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	ISNIN	28	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
27	SELASA	29	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.43	6.29	7.43
28	RABU	30	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
29	KHAMIS	1 ZULHIJAH	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
30	JUMAAT	2	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
31	SABTU	3	4.32	4.42	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.44
1 JUN	AHAD	4	4.32	4.42	6.07	6.30	12.19	3.44	6.30	7.45

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
34 25 °C	34 25 °C	33 24 °C	
Pekan Bangar			
34 25 °C	34 25 °C	33 24 °C	
Pekan Tutong			
34 25 °C	34 24 °C	33 24 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C	33 25 °C	31 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

26 MEI 2025

Perkasa masyarakat dalam transformasi digital negara

HARI Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia disambut pada 17 Mei setiap tahun. Tema pada tahun ini sangat signifikan iaitu 'Kesaksamaan Jantina dalam Transformasi Digital', dan tema ini menekankan kepada kita semua untuk fokus bagaimana kita membangunkan masa depan digital yang inklusif, memperkasa dan saksama untuk semua.

Tema itu juga sangat bertepatan dengan matlamat Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia iaitu untuk meningkatkan kesedaran global tentang pentingnya penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam memperkasa masyarakat dan merapatkan jurang digital.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam perutusan sempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia 2025 menyatakan bahawa dalam dunia yang semakin terhubung, teknologi digital terus sahaja membentuk cara kita hidup, belajar, bekerja dan berkomunikasi.

Namun, selagi teknologi ini berkembang, begitu juga usaha kolektif kita harus diperkukuh untuk memastikan peluang dan akses yang saksama bagi semua. Kita menyedari potensi besar ICT dalam memperkasa penyertaan semua lapisan masyarakat dalam pembangunan sosioekonomi, tidak terkecuali wanita dan perempuan.

Dengan akses dan kemahiran yang betul, jelas Yang Berhormat, mereka mampu membawa perubahan yang positif dalam keluarga mereka, komuniti dan semua. Walau bagaimanapun, akses dan penggunaan ICT masih sangat mencabar untuk sebahagian besar wanita dan perempuan seluruh dunia.

"Alhamdulillah, dasar pendidikan Brunei Darussalam telah memberi peluang saksama kepada wanita dan kanak-kanak perempuan untuk meningkatkan kemahiran dalam sektor ICT. Pada 2024, wanita membentuk sejumlah 34 peratus tenaga kerja ICT, menunjukkan peningkatan 4 peratus sejak 2020. Ini membuktikan peningkatan penyertaan dan kepimpinan wanita dalam ekonomi digital," ujar Yang Berhormat.

Dalam memperkasa kesaksamaan transformasi digital meliputi semua lapisan masyarakat, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan usaha dalam mengembangkannya ekosistem digital negara, antaranya ialah 'Digital for All', satu program kebangsaan yang memfokuskan kepada penyediaan kemahiran digital kepada komuniti.

Menerusi pelbagai bengkel dan taklimat berasaskan komuniti, 'Digital for All' memperkasa warga emas dan golongan kurang berkemampuan termasuk wanita untuk menggunakan dunia digital secara selamat dan berkesan.

Usaha ini membantu merapatkan jurang kemahiran dan memacu keyakinan digital dalam kalangan masyarakat dan memastikan tidak ada yang tertinggal dalam transformasi digital negara.

Oleh itu, marilah kita mendukung ke arah memajukan pembangunan transformasi digital negara agar negara kita terus berkembang seiring dengan trend kemajuan digital dunia yang semakin berkembang dan moden. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE KUALA LUMPUR, MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan pada 26 hingga 27 Mei 2025 (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Yang Maha Mulia Paduka Seri
Ahad, 25 Mei. - Kebawah Duli Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kuala

Lumpur, Malaysia, hari ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan pada 26 hingga 27 Mei 2025. Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyampaikan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka

anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyampaikan selamat berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan-timbalan Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pemangku Pesuruhjaya Polis serta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Malaysia, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, membawa tema 'Inclusivity and Sustainability' yang menunjukkan komitmen ASEAN untuk memastikan daya tahan dan kemakmuran serantau serta mengukuhkan kerjasama dalam menghadapi cabaran global serta tekanan luar yang semakin meningkat.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyampaikan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

ISB RAIKAN PENGIJAZAHAN IB PELAJAR TAHUN 13



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Majlis Pengijazahan IB ISB 2025 (kiri). Manakala gambar atas tengah dan atas kanan, anakanda DYT, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berkenan menerima sijil dan seterusnya mengurniakan sabda pada majlis berkenaan.

berkenan mengurniakan sabda memberikan nasihat bukan hanya buat graduan IB tetapi juga secara umumnya agar menghargai masa dan pengalaman selagi ia masih ada.

YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim seterusnya bersabda menekankan bahawa jangan tunggu sehingga semua saat indah hanya tinggal kenangan. Nikmatilah semuanya itu sekarang, jadi, semoga tahun-tahun kebelakangan ini, kehidupan sekolah dan kenangan di ISB membawa makna istimewa kepada awda semua, sepertimana ia bermakna buat YTM.

Dalam sabda, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim juga berkongsi kenangan tentang perjalanan pendidikannya di ISB yang bermula dari Prasekolah (Pre-Kindy) pada usia 2 tahun dan berakhir dengan tamatnya Program Diploma IB di Tahun 13.

"Kami telah memiliki guru-guru yang luar biasa yang sentiasa mendorong kami, menyokong kami dan mengingatkan kami tentang potensi yang kami miliki, terutamanya apabila kami meragui kemampuan diri sendiri.

"Sama ada melalui kata-kata galakan secara senyap atau maklum balas kecil untuk memperbaiki penilaian dalaman kami, mereka telah memberi impak yang lebih besar daripada apa yang mereka mungkin sedar. Terima kasih, para guru dan semua staf Pra-U," sabda YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ketika berkenan menzahirkan penghargaan yang mendalam atas bimbingan dan sokongan yang diterima selama di sekolah berkenaan.

Terdahulu, Dominic Morley



PENGERUSI Lembaga ISB, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dalam sembah ucapannya.

dalam sembah alu-aluannya merakamkan berbesar hati dan melahirkan ucapan tahniah kepada graduan Tahun 13 dan mereka seharusnya berasa bangga sebagai graduan ISB dan IB.

"Malam ini, kita meraikan serta menjangkakan banyak peluang yang menanti awda sewaktu awda memulakan perjalanan ke universiti terkemuka dan kerjaya yang menjanjikan," sembahnya.

Menurutnya lagi, sebagai graduan adalah mencerminkan nilai-nilai teras ISB - ketabahan dan semangat menghadapi cabaran, keterangkuman yang memperkukuh komuniti, kecemerlangan akademik yang mempertajamkan minda serta rasa hormat yang membimbing tindakan mereka.

Melalui usaha yang tidak berbelah bahagi, tambahnya lagi, mereka telah meletakkan asas untuk masa depan yang penuh kemungkinan. Beliau seterusnya berharap, para graduan terus membawa nilai-nilai ini ke hadapan dan bersedia untuk memberi impak yang bermakna dalam apa jua laluan yang mereka pilih.

Dominic Morley juga menyatakan penghargaan terima kasih kepada semua rakan sekerja yang telah mewujudkan persekitaran sekolah yang sangat menyokong dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang luar biasa dan seterusnya membentuk setiap pelajar cemerlang.

"Di ISB, kami sentiasa percaya bahawa pendidikan berkualiti adalah salah satu aset terbesar

seseorang individu – satu kekuatan kekal yang, apabila dimiliki, tidak dapat diambil kembali, dan memberi manfaat kepada individu serta komuniti mereka," sembah ucapan Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad.

Pengerusi Lembaga ISB itu seterusnya menyembahkan bahawa misi mereka iaitu, 'Inspiring Minds, Shaping Values and Building Futures' di mana berlandaskan misi tersebut menjadi pendorong untuk memperkenalkan Program Diploma IB pada tahun 2001 iaitu sekolah pertama di Negara Brunei Darussalam dan Pulau Borneo yang telah mengendalikan inisiatif sedemikian.

"Sejak itu, kami amat berbangga untuk menyatakan bahawa keputusan IB secara konsisten melebihi purata dunia setiap tahun. Kami percaya dan berharap, dengan program berprestij ini, pelajar kami memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin masa depan, apabila mereka melangkah keluar dari alam persekolahan," sembahnya lagi.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah ISB iaitu Roy David Kurian, Sharon Tan, Jorge Francisco Vega dan Wong Chin Toon serta Pengurus Am ISB, Vienna Law; Ketua Sekolah Menengah ISB, Dr. Peter Jones; Penyelaras IBDP ISB, Richard Edwards dan kakitangan ISB serta ibu bapa para graduan.

JERUDONG, Sabtu, 24 Mei. - Kelas Tahun 13 dari International School Brunei (ISB) yang telah berjaya menamatkan Program Diploma International Baccalaureate (IB) bagi Tahun 2025 diraikan pada Majlis Pengijazahan IB ISB yang berlangsung di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Country Club, malam tadi.

Majlis Pengijazahan IB ISB 2025 turut diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta kerabat diraja dijunjung oleh Pengerusi Lembaga ISB, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berserta kerabat diraja yang lain begitu berbangga dan menyaksikan atas penganugerahan pencapaian cemerlang yang dianugerahkan kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim iaitu menerusi mata pelajaran Sports, Exercise and Health Science HL, Economics HL, Geography HL dan juga Malay B SL.

Adapun YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim merupakan antara graduan ISB Tahun 13 bagi Tahun 2025 yang telah berjaya menamatkan Peperiksaan Akhir IB pada bulan ini, justeru, majlis tersebut adalah untuk memperingati pencapaian para pelajar dalam mencapai satu tahap penting dalam kehidupan mereka.

Sejurus keberangkatan tiba, DYT dan YTM berkenan dijunjung untuk bergambar ramai dan kemudiannya memasuki dewan diikuti dengan perarakan daripada para graduan masuk ke dalam dewan.

Pada majlis berkenaan, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim



ANTARA yang hadir pada Majlis Pengijazahan IB ISB yang berlangsung di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Country Club.

KEKUATAN MUNAJAT PENGGERAK UTAMA CAPAI IMPIAN DUNIA, AKHIRAT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikianlah antara perkara yang dikongsikan melalui Motivasi Ilmiah yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan bagi menyerikan acara Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Ke-184 yang dikendalikan secara dalam talian dengan tumpuan di Masjid Kampung Sungai Hanching, baru-baru ini.

Hadir bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Tenaga Pengajar Al-Huffaz Management, Awang Waquiuddin bin Awang Haji Yusri.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Tenaga Pengajar Al-Huffaz Management, Awang Hezqyl bin Haji Hambali yang juga Digital Media and Marketing Ar-Razaq Kifayah Management. Seterusnya, Doa Munajat pula dibacakan oleh Awang Abdul Hakim bin Dr. Haji Roslan.

Sejurus selesai Motivasi Ilmiah, diteruskan dengan bacaan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Fawzan bin Haji Abu Kasim bersama warga Al-Huffaz Management.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Tenaga Pengajar Al-Huffaz Management, Pengiran Mohamad Retauddin bin Pengiran Haji Abd Razak yang juga Pembantu Pertanian Rendah, Bahagian Biosekuriti, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Malam Munajat yang penuh keberkatan ini juga disemarakkan dengan kehadiran tenaga pengajar dan warga Al-Huffaz Management;



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat tersebut.

Ahli Jawatankuasa Takmir dan para Jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara. Juga, warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk

bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai

dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada para penerima (atas dan bawah).

193 pegawai, kakitangan JPM terima Pingat Kerja Lama

BERAKAS, Sabtu, 24 Mei. - Seramai 193 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya terdiri daripada 123 lelaki dan 70 perempuan menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Majlis Penyampaian Pengurniaan P.K.L tersebut berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

dan seterusnya menyempurnakan penyampaian P.K.L kepada para penerima ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Acara juga diserikan dengan Selawat Taffriyyah beramai-ramai yang dipimpin oleh pegawai dan kakitangan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Majlis Penyampaian Pengurniaan P.K.L tersebut adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan di atas jasa dan sumbangan bakti pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih 20 tahun dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan pengurniaan pingat tersebut diharap akan menyuntik semangat para penerima untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih cemerlang lagi pada masa akan datang.



MEMAJUKAN AKSES KESIHATAN SAKSAMA, MENGURANGKAN RISIKO KESIHATAN GLOBAL



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Program Persidangan Meja Bulat Tahunan Kesihatan (Annual Health Roundtable) yang berlangsung pada 20 hingga 21 Mei 2025 di Geneva, Switzerland (atas dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei.- Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar telah menghadiri Program Persidangan Meja Bulat Tahunan Kesihatan (Annual Health Roundtable) yang telah berlangsung pada 20 hingga 21 Mei 2025 di Geneva, Switzerland di pekarangan Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-78 (78th World Health Assembly).

Di bawah tema 'The Intelligent Age : Redefining Healthcare for the Future', Program Persidangan Meja Bulat selama dua hari tersebut telah dihoskan oleh Pusat untuk Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan (Centre for Health and Healthcare) Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum - WEF) yang bertujuan untuk menghimpunkan pemimpin-pemimpin global dalam

mempercepatkan inovasi kuasa Kecerdasan Buatan (AI-Powered innovation), kerjasama dasar serantau (*cross-regional policies*). Ia juga bertujuan untuk memperkukuh kerjasama awam-swasta (*public-private partnerships*) untuk memajukan akses kesihatan yang saksama dan mengurangkan risiko kesihatan global.

Persidangan Meja Bulat tersebut telah menjemput Menteri-menteri Kesihatan, penggubal dasar, eksekutif kanan industri, organisasi antarabangsa, pemimpin dermawan dan pihak berkepentingan utama lain bagi meneroka landskap kesihatan global yang berkembang dan sejajar dengan agenda Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-78.

Pada program dua hari berkenaan, Yang Berhormat

Menteri Kesihatan telah menyertai beberapa sesi perbincangan bertemakan 'Closing the Gaps : Health Equity in the Era of Rising NCDs, From Lifespan to Health Span : Rethinking Preventative Healthcare with Innovations, Climate and Health : Preparing for Business Risks and Surging Health Demands dan Healthy Data Ecosystems : Building a Global Architecture for Health'.

Semasa Sesi Persidangan Meja Bulat Kesihatan Untuk Semua dan Ekuiti Kesihatan - Merapatkan Jurang : Ekuiti Kesihatan di Era Peningkatan NCDs, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah diberi kehormatan untuk menjadi ahli panel, di mana sesi tersebut menumpukan kepada perbincangan berkenaan menangani ketidakseimbangan (*inequity*) yang disebabkan oleh peningkatan beban penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs) seperti diabetes, penyakit pernafasan kronik dan kesihatan mental khususnya dalam kalangan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kesihatan.

Pada sesi tersebut, Yang Berhormat dalam ucapannya telah mengongsikan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Liputan Kesihatan Sejangat dalam memastikan semua individu mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tanpa bebanan kewangan, sejajar dengan aspirasi wawasan negara untuk semua rakyat mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi dengan mengimplementasi strategi-strategi kesihatan melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation.

Yang Berhormat juga mengongsikan keadaan semasa dan cabaran-cabaran negara berhubung beban NCDs, termasuk jurang kesihatan yang wujud akibat peningkatan *prevalens* penyakit tersebut. Dalam pada itu, NBD akan melabur dan mengembangkan akses saksama kepada penjagaan kesihatan asasi.

Sebagai langkah ke hadapan, NBD akan terus memanfaatkan teknologi dan data untuk

memperoleh hasil kesihatan penduduk yang lebih baik, memperkukuh kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan merentasi sektor awam, swasta dan masyarakat serta menegakkan prinsip kesihatan adalah tanggungjawab bersama.

Di samping itu, Yang Berhormat telah mengongsikan kepentingan transformasi teknologi digital seperti BruHealth 5.0 sebagai penyelesaian praktikal untuk merapatkan jurang akses kesihatan yang kos efektif untuk mencapai komuniti terpinggir, yang boleh menyokong inisiatif-inisiatif kesihatan penduduk dengan memanfaatkan data dan platform digital untuk meningkatkan penjagaan pencegahan dan pengurusan NCD termasuk kempen-kempen pencegahan dan pemeriksaan kesihatan, penggunaan *tele-health* dan pemantauan jarak jauh.

Penyertaan ini mengukuhkan komitmen NBD dalam kerjasama antarabangsa dan inovasi kesihatan yang berlandaskan ekuiti dan keterangkuman.



Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

 mkkjrbrunei
  www.mkkjr.gov.bn



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025
2. 'Kebekerkesanan Pembelajaran Digital.' Tarikh Tutup : 4 Jun 2025
3. 'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama.' Tarikh Tutup : 11 Jun 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

UNISSA ADAKAN MAJLIS MAKAN MALAM UNDANG-UNDANG TAHUNAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PANEL Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Zaimi bin Haji Talip hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berucap pada majlis tersebut (kanan dan kiri). Manakala gambar bawah kanan, antara persembahan yang menyerikan majlis.

Program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Muda Perundangan Syariah (BSL) yang bertujuan sebagai sebuah platform kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan tetamu jemputan, berkongsi pengalaman dan perspektif mengenai isu-isu perundangan, serta mempelajari kemahiran sebelum menceburi profesion guaman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh pelajar Tahun 5 dari Program LLB dan BSL, Awang Muhammad Rusyda Mubasyir bin Musa.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Profesor Madya Dr. Ahmad Masum diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis, Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Zaimi.

Majlis juga dihadiri oleh para jemputan yang terdiri daripada wakil-wakil dari pelbagai agensi perundangan dan jabatan-jabatan kerajaan termasuk para pelajar dari Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan Majlis Makan Malam Undang-Undang Tahunan bertempat di Tarindak D'Seni, Jalan Residency, di ibu negara, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Zaimi bin Haji Talip.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal serta pegawai-pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai utama UNISSA.

Majlis Makan Malam Undang-Undang Tahunan merupakan program wajib bagi pelajar Tahun 3 dan Tahun 5 bagi

Menyingkap rahsia, hikmah Surah Al-Fatihah



BENGKEL Menghalusi dan Tadabbur Surah Al-Fatihah bagi Jemaah Masjid Daerah Belait yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Pandan Kuala Belait (atas dan kanan).

KUALA BELAIT, Ahad, 25 Mei. - Al-Quran hendaklah dibaca dengan tajwid yang sempurna iaitu dari segi sebutan makhraj huruf (tempat keluarnya huruf) dan hukum tajwid yang betul dan tepat agar ayat yang dibaca tidak tersasar daripada makna sebenar.

Sifat-sifat huruf *hija'iyah* adalah sangat penting untuk diketahui, dipelajari dan dihalusi kerana dengan yang demikian pembaca dapat melafazkan huruf-huruf *hija'iyah* dengan sebutan yang betul dan tepat. Begitu juga dengan kepentingan menyempurnakan hukum-hukum tajwid pada ayat Al-Quran yang

dibaca.

Selain itu, menyingkap rahsia dan hikmah serta menghayati pengajaran yang terdapat dalam Surah Al-Fatihah dengan kaedah *tadabbur* amat penting kepada setiap individu Muslim.

Sehubungan itu, Bengkel Menghalusi dan Tadabbur Surah Al-Fatihah bagi Jemaah Masjid Daerah Belait telah diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Pandan Kuala Belait, baru-baru ini.

Peserta bengkel terdiri daripada jemaah dan Muslimah masjid, surau dan balai ibadat dan para belia serta penduduk di Daerah

Belait. Tenaga pengajar pada bengkel tersebut ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan Seria, Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim.

Objektif bengkel adalah bagi menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir di samping memberi peluang kepada masyarakat untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan umum dalam tentang tajwid serta

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



menyingkap rahsia dan hikmah pengajaran Surah Al-Fatihah melalui kaedah *tadabbur*.

Antara pengisian bengkel ialah cara menyebutkan huruf-huruf Al-Quran melalui makhraj dan tempat keluar bunyi yang betul serta latihan praktikal bacaan Surah Al-Fatihah.

Bengkel diselajarkan dengan memperbetulkan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan dalam bacaan Surah Al-Fatihah serta *tadabbur* Surah Al-Fatihah.

Bengkel diunkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Kampung Pandan Kuala Belait.

Dengan adanya bengkel seumpama ini dihasratkan akan dapat memberi ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada para peserta khususnya dalam menambah baik sebutan makhraj huruf, hukum-hukum tajwid dan pengajaran daripada ayat-ayat Al-Quran yang dibaca khususnya yang terdapat di dalam Surah Al-Fatihah.

MEMPERKUKUH HUBUNGAN BUDAYA, INTELEKTUAL NEGARA ANGGOTA MASTERA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam mengukuhkan projek Memperkasa Pantun Nusantara Ke-4, Tahun 2025.

Projek pemasyarakatan Mastera selama lima hari berkenaan bermula hari ini sehingga 28 Mei 2025 dan didukung bersama Negara Anggota Mastera Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan sekali gus

menyempurnakan Majlis Perasmian Memperkasa Pantun Nusantara Ke-4, Tahun 2025, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, yang juga Penghulu Mukim Lumapas.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Ketua Perwakilan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) Malaysia, Yang Berbahagia Tuan Haji Md. Johari bin Hassan; dan Ketua

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang juga Penghulu Mukim Lumapas hadir selaku tetamu kehormat majlis dan sekali gus menyempurnakan Majlis Perasmian Memperkasa Pantun Nusantara Ke-4, Tahun 2025 (kiri dan kanan).

Perutusan MABBIM Republik Indonesia, Yang Terhormat Hafidz Muksin, S.Sos., M.Si.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam yang antara lain menyatakan melalui penglibatan belia Nusantara, projek berkenaan bukan sahaja mengembangkan warisan pantun Melayu, malah memperkukuh hubungan budaya dan intelektual antara Negara-negara Anggota Mastera.

Usaha berkenaan katanya, akan diteruskan dengan komitmen tinggi untuk memelihara dan menyuburkan kesusasteraan serantau, seiring matlamat membina warga sastera berbilang, aktif, kreatif dan bertanggungjawab.

Projek diadakan dalam tiga kegiatan secara berkesinambungan, iaitu Seminar Pantun Mastera, Bengkel Pantun Mastera dan Festival Pantun Mastera.

Seminar Pantun Mastera diadakan pada Sabtu, 24 Mei 2025 Masihi di Balai Sarmayuda, DBP.



Seminar dimulakan dengan pembentangan ucapan oleh Ketua Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Maslin bin Haji Jukim/Jukin; dan diikuti dengan pembentangan oleh Profesor Dr. Yulianeta dari Republik Indonesia, Dr. Faezah binti Muhyat dari Malaysia dan Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dari NBD.

Bengkel Pantun Mastera diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula pada Selasa, 27 Mei 2025 bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan (BSB); Taman Peranginan Tasek Lama, BSB; Hab Tenaga Brunei Dermaga

Diraja, Tamu Kianggeh, BSB; dan Pusat Belia, BSB.

Bengkel mengundang pembimbing dari dalam dan luar negara dalam kalangan Negara Anggota Mastera.

Sementara acara kemuncak projek Memperkasa Pantun Nusantara ialah Festival Teater Mastera yang diadakan pada Rabu, 28 Mei 2025 di Balai Sarmayuda, DBP.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan buku-buku baharu terbitan DBP nanti, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga Ketua Kampung Sengkarai.

Ahmad Dasuki Qusyairie Juara Bintang Kecil 2025

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada juara Bintang Kecil 2025, Awang Ahmad Dasuki Qusyairie bin Roslani (atas kanan), manakala gambar atas dan bawah kanan, sekitar Pertandingan Peringkat Akhir Bintang Kecil 2025.

BERAKAS, Sabtu, 24 Mei. - Awang Ahmad Dasuki Qusyairie bin Roslani diumumkan sebagai juara pada Pertandingan Peringkat Akhir Bintang Kecil 2025 dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 berserta trofi dan sijil pada pertandingan yang berlangsung di Dewan Musyawah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, malam tadi.

Manakala naib juara disandang oleh Awang Muhammad Lutfi Aqil bin Mohammad Adam yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,000 berserta trofi dan sijil diikuti tempat ketiga ialah Dayang Nur Azzalea Zulaikha binti Muhamad Adzimin yang membawa pulang hadiah wang tunai BND700 berserta trofi dan sijil.

Sementara itu, Awang Muhd. Faiq Rifqi bin Ruzaimi diumumkan



sebagai pemenang bagi Persembahan Terbaik dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND200 berserta trofi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Muhammad Kifli; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para penaja. Pada tahun ini, seramai 10 peserta bersaing dalam pertandingan tersebut.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Saluran Usus Awda

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA



Dianjurkan oleh Jabatan RTB, pertandingan yang mula diperkenalkan pada tahun 1978 ini merupakan platform atau landasan bagi mencungkil dan mengasuh bakat kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 12 tahun dalam bidang nyanyian. Pertandingan tersebut juga adalah dihasratkan untuk

mendukung perkembangan dan mewarnai lagi industri seni tanah air.

RTB merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penyokong pertandingan yang terdiri daripada Firoz Jaya Silkhouse dan Radisson Hotel Brunei Darussalam.

MESYUARAT FOKUSKAN ISU BERKEPENTINGAN SEKTOR PENGANGKUTAN SERANTAU



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

MYANMAR, Ahad, 25 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof telah menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (ASEAN Senior Transport Officials Meeting – STOM) Kali Ke-59 dan Dialog Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN dan Amerika Syarikat (ASEAN-United States Senior Transport Officials Dialogue – ASEAN-US STOD) Kali Ke-4 pada 21 hingga 23 Mei 2025 di Yangon, Myanmar.

STOM Ke-59 berkenaan

dirasmikan oleh Deputy Minister for Transport and Communications, Republic of the Union of Myanmar, Yang Berhormat Tuan Aung Kyaw Tun pada 21 Mei 2025.

STOM Ke-59 berkenaan seterusnya dipengerusikan oleh Permanent Secretary, Ministry of Transport and Communications, Republic of the Union of Myanmar, Tuan Win Khant, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (STOM) bagi Tahun 2025.

Semasa STOM Ke-59 ini, mesyuarat membincangkan status pelaksanaan program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek di

bawah rangka kerja Kuala Lumpur Transport Strategic Plan (KLTPSP) 2016-2025 yang dilaksanakan oleh Kumpulan-kumpulan Kerja Pengangkutan ASEAN.

Mesyuarat mengambil perhatian kepada isu-isu berkepentingan kepada lanskap sektor pengangkutan di rantau ini, termasuk keselamatan dan sekuriti, kelestarian, dan pendigitalan sektor-sektor pengangkutan untuk memudahkan pergerakan penumpang dan barangan di rantau ini.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada platform ASEAN STOM serta Kumpulan-Kumpulan Kerjanya memainkan peranan penting dalam

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (ASEAN Senior Transport Officials Meeting – STOM) Kali Ke-59 dan Dialog Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN dan Amerika Syarikat (ASEAN-United States Senior Transport Officials Dialogue – ASEAN-US STOD) Kali Ke-4.

membangunkan perkara-perkara berkepentingan seperti: memperluaskan rangkaian hubungan udara untuk penumpang dan kargo melalui pertukaran hak-hak trafik di dalam dan luar rantau ini; pembangunan kapasiti; peningkatan keselamatan jalan raya; merangka peta jalan kenderaan elektrik; serta peningkatan kelestarian dan kemampanan di sektor pengangkutan.

Di samping itu juga, NBD melalui Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) adalah Pengerusi bagi ASEAN Maritime Transport Working Group (MTWG) untuk tempoh tahun 2024-2025.

Pengerusi MTWG telah memimpin perbincangan untuk mencapai ASEAN Single Shipping Market (ASSM) dan inisiatif-inisiatif kelestarian maritim, termasuk pengesahan dokumen ASEAN Regional Strategy on Ship Waste Management semasa Mesyuarat STOM kali ini yang merupakan satu daripada Annual Priority for Transport bagi tahun 2025.

ASEAN Regional Strategy ini adalah satu garis panduan untuk

Negara-negara Ahli ASEAN mengurangkan pembuangan sisa kapal di alam sekitar maritim Asia Timur Tenggara.

Mesyuarat juga bertukar-tukar pendapat mengenai status pelaksanaan kerjasama bersama Rakan-rakan Dialog, iaitu China, Jepun dan Republik Korea, termasuk Dialog Pegawai-pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN dan Amerika Syarikat (ASEAN and United States Senior Transport Officials Dialogue – ASEAN-U.S. STOD).

Sesi bersama Rakan-Rakan Dialog ini antaranya membincangkan perkara-perkara seperti mobiliti pintar dengan menggunakan teknologi Kecerdasan Pintar (Artificial Intelligence – AI), kelestarian alam sekitar, serta kerjasama pembangunan kapasiti.

Mesyuarat STOM Ke-59 turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan MTIC serta pihak MPABD.

Hasil daripada STOM Ke-59 berkenaan akan dibincangkan dengan lanjut semasa STOM Ke-60 yang akan menumpukan ke arah menyelesaikan Annual Priorities for Transport bagi tahun 2025 untuk diadapakan dan dipertimbangkan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN (ASEAN Transport Ministers – ATM) Kali Ke-31.

STOM lazimnya mengadakan perjumpaan dua kali setahun untuk merebui dan menyelaraskan program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek untuk pertimbangan ATM semasa mesyuaratnya pada penghujung tahun nanti.

Peserta separuh akhir MTQBK terima sijil



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1446H/2025M bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Atur cara majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah

Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, selaku Pengerusi Majlis dan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta musabaqah peringkat separuh akhir yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara diselang-selikan dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disampaikan oleh Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Hakim Peringkat Separuh Akhir.

Manakala doa penutup telah dibacakan oleh Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf.

MTQBK Peringkat Separuh Akhir telah diadakan sebelum majlis penyampaian sijil yang



disertai oleh 14 peserta qari dan 15 peserta qariah memperdengarkan bacaan mereka merupakan peserta yang terpilih melalui Peringkat Saringan yang telah diadakan pada 14 hingga 16 Mei 2025 yang lalu disertai oleh 93

peserta iaitu 66 qari dan 27 qariah.

MTQBK 1446H / 2025M Peringkat Akhir akan diadakan pada hari Khamis, 19 Jun 2025 bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446H/2025M (kiri sekali dan kiri).

Seramai 10 peserta iaitu lima qari dan lima qariah termasuk johan menunggu qari dan qariah MTQBK Tahun 2024 akan bertanding di peringkat akhir nanti.

MTQBK merupakan salah satu projek tahunan KKBS dikelolakan oleh JBS sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Juga hadir, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly; pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ibu bapa.

Orang ramai terutamanya para belia boleh menyaksikan MTQBK 1446H/2025M Peringkat Akhir nanti secara langsung melalui akaun rasmi Facebook *Jabatan Belia dan Sukan* dan YouTube *Jabatan Belia dan Sukan Brunei*.

ANTARA yang memperdengarkan bacaan.

LEBIH 1,000 SERTAI PROGRAM NUQRA HAJJ

Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Quranic



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Mei. – Bersempena dengan Bulan Keluarga 2025 dan bertepatan dengan musim umat Islam menunaikan ibadah haji, Nuqra Quranic telah menganjurkan Program Nuqra Hajj yang diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas, hari ini.

Nuqra Hajj merupakan Program Manasik Haji secara simulasi yang pertama seumpamanya dianjurkan secara besar-besaran di Negara

Brunei Darussalam (NBD). Program ini berjaya menghimpunkan lebih 1,000 peserta yang terdiri daripada individu, keluarga, institusi pendidikan serta wakil jabatan kerajaan dan swasta.

Program Nuqra Hajj telah disempurnakan perasmianya oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir bagi merasmikan Program Nuqra Hajj yang diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri, program ini berjaya menghimpunkan lebih 1,000 peserta yang terdiri daripada individu, keluarga, institusi pendidikan serta wakil jabatan kerajaan dan swasta.

Program ini turut mendapat sokongan padu daripada 12 agensi pelancongan, umrah dan haji, yang bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan acara ini, malah menaja pelbagai hadiah menarik. Antara tarikan utama ialah hadiah cabutan bertuah berupa satu Pakej Umrah percuma yang ditaja oleh Aleia Voyages dan Lamisa Travel. Sebelum acara simulasi bermula, peserta telah diberi taklimat ringkas oleh Penolong Pegawai Ugama dari Jabatan Urusan Haji, Awang Haji Mohd. Izzuddin bin Haji Abdul Rani. Kesemua peserta kemudiannya dibahagikan kepada 16 kumpulan yang diketuai oleh *mutawwif* Nuqra Hajj.

Simulasi ini memberikan pengalaman indah dan penuh bermakna kepada peserta. Dengan bimbingan penuh ilmu, simulasi ini membawa peserta merasa sendiri suasana ibadah haji, lengkap dengan replika Kaabah, Wukuf, Tawaf, Sa'ie, Melontar Jamrah dan Tahalul.

Program ini bertujuan memberi ruang pembelajaran bermakna kepada mereka yang belum pernah ke Tanah Suci, agar lebih memahami Rukun Haji serta bersedia secara rohani dan mental. Bagi menyokong tujuan ini, agensi pelancongan

turut menyediakan *mutawwif* berpengalaman untuk membimbing peserta sepanjang simulasi.

Program ini turut menerima sambutan yang amat positif

daripada para peserta. Nuqra Quranic berharap program ini bukan sahaja menjadi pengalaman berharga, tetapi juga mengukuhkan nilai kekeluargaan dan mempersiapkan generasi



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Galakkan orang ramai untuk derma darah



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Mei. – Sebagai salah satu acara tahunan utama Persatuan Masyarakat India Bandar Seri Begawan (BSBIA), Kempen Derma Darah diadakan pagi tadi

bertempat di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Seramai 76 ahli komuniti India hadir ke lokasi untuk menderma darah.

Presiden BSBIA, Sujaya Kamat memaklumkan bahawa kempen

derma darah ini telah dijalankan setiap tahun selama 30 tahun yang lalu, sejajar dengan tanggungjawab sosial masyarakat terhadap kebajikan masyarakat dan kesejahteraan sosial.

Bendahari BSBIA, Suresh Borigam, juga selaku penyelaras utama kempen telah mengetahui

SERAMAI 76 ahli komuniti India hadir ke lokasi untuk menderma darah.

kempen tersebut selama 10 tahun berturut-turut, beliau berasa sangat gembira untuk terus menyertai dan memainkan peranan pada kempen derma darah ini.

"Saya berasa bangga dan berbesar hati kerana dapat terlibat sebagai penyelaras utama untuk tujuan berkebajikan ini. Saya memutuskan untuk mula menderma darah kerana ingin membantu menyelamatkan nyawa, dan ia memberikan saya rasa kepuasan yang mendalam.

"Menderma darah adalah mudah, selamat dan tidak menyakitkan.

"Ia tidak membuatkan awda lemah atau tidak sihat. Tiada apa yang perlu ditakutkan.

"Oleh itu, saya menyeru orang ramai untuk tampil ke hadapan bukan sahaja untuk menderma, tetapi untuk menderma secara berkala," tambahnya.

Pihak persatuan juga turut

melahirkan penghargaan terhadap kesungguhan semua penderma darah, dan sentiasa terinspirasi oleh keikhlasan dan kebaikan hati para penderma.

Suresh Borigam juga mengucapkan terima kasih kepada semua penderma darah dan menganggap mereka adalah wira, kerana telah menyelamatkan nyawa dan beliau amat menghargai usaha semua para penderma dan menggalakkan orang ramai untuk terus memperluas jumlah penderma darah secara sukarela, khususnya penderma darah tetap di seluruh negara.

Ucapan penghargaan juga turut dilahirkan kepada pegawai dan kakitangan Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS dan pihak media atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi dalam mempromosikan acara berkenaan, dan akan berterusan memberikan sokongan padu daripada BSBIA untuk akan terus menganjurkan lebih banyak kempen dengan lebih ramai penderma pada masa akan datang.

سردار سروي

چلان صفة حسد دغكي

جماعه يغ درحمتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كليمانن كقدن. مسغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسي الله ﷻ ايت ايله اورغ يغ فالينغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ بر اوله كحيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله ﷻ بر فرمان دالم سورة القلم آية ٤:

تفسيرن: دان سسوغكوهن اڭكاو بنر-بنر مقوي اي اخلاق يغ ساعت مليا.

جماعه يغ درحمتي الله،

آية ترسبوت منكنن بتاف لوهور دان مليان كثريادين رسول الله ﷺ اوليه يغ دمكين، سباكاي اومت اسلام كيت هندقله مقبوتني دان منجوتوهي صفة-صفة دان اخلاق بكيندا. انتارا اخلاق بكيندا رسول الله ﷺ يغ فانوت كيت جوتوهي، اداله اخلاق بكيندا رسول الله ﷺ يغ تيدق قرنه بر صفة حسد دغكي ترهادف سمام انسان لاي.

سسوغكوهن حسد دغكي اداله ساله ساتو دري صفة مذمومه يغ اد دالم ديري سساورغ انسان. صفة اين بوليه مبهياكن ديري دان منداتغن كسن يغ بوروق دالم كهيدوفن بركلوارك، بر مشاركت ماهوفون برنكارا يغ بوليه ميبينن ترجادين فرجهن دان فرسليسيهن.

جماعه يغ درحمتي الله،

حسد دغكي بوليه دارتيكن سباكاي سواتو سيكف تيدق سنغ هاتي دان تيدق بوليه منريعا دغن نعمت كسنغن اتافون كليهن يغ اد قد اورغ لاي. مريك اين، جك مندغر كيلايكن اتو كليهن اورغ يغ دحسدن، مك بر ماسم موكاله دي دالم كدوكا. سبالين، جك ادا برينا بوروق مغناي اورغ يغ دحسدن، مك بر سري-سريله موكان ككميران.

الإمام الغزالي دالم كتابن إحياء علوم الدين مغهورايكن براف جيري اوتام اورغ يغ ميبليكي صفة حسد دغكي:

فرتام: اي مراس كليسه، ماره اتو بنجي مليهت اورغ لاي مندافت رزقي، كحيان، علم، كدودوقن اف جوا نعمة.

كدوا: اي مغايغينكن كليهن يغ دمبليكي اورغ لاي ايت ترهافوس سام اد دغن تيندافتن دغن كات-كات، فتنه، ميبير عيب اتو مغادو دومبا.

كتيك: اي مراس لكا دان تنغ بيلا مليهت اورغ لاي كهيلغن نعمة ترسبوت.

سسوغكوهن فراسان حسد دغكي تيدق قرنه مغلل فرتالين داره اتافون كلوارك، تيدق مغلل صحابة دان راكن سكرجا. اين كران هوبوغن كلوارك يغ راقت بوليه منجادي رغنكغ، صحابة يغ اقرب بوليه منجادي موسوه، راكن سكرجا منجادي تيدق سهالوان دان سموا اين اداله دسبيكن اوليه فراسان حسد دغكي.

فرلو دكتهوي، بهاوا اد بايق سبب مغاف اورغ ايت ممقوي اي فراسان حسد دغكي، انتاران: فرموسوهن، دندم، براس خواطر توجوان ترنتو تيدق

ترجافاي دان ساومقامان. نامون دميكين، تردافت جوك حديث رسول الله ﷺ يغ مميري قعجوالين دالم صفة حسد دغكي اين ياييت سساورغ يغ مغايغينكن اتوق دكورنايكن نعمت اتو كليهن يغ سام اكر دافت برلومبا-لومبا ملاكوكن عملن صالح يغ مندكتكن ديري كقد الله ﷻ شجانه و تعالى، تنقا راس ماهو مليهت نعمت ترسبوت دتاريك درقد اورغ لاي. درقد عبدالله بن مسعود رضى الله عنه، رسول الله ﷺ برسبدا: لا حسد إلا في اثنتين: رجل آتاه الله مالا فسلط علىهلكته في الحق، ورجل آتاه الله الحكمة، فهو يقضي بها ويعلمها.

مقصودن:

فراسان حسد دان دغكي ايت دلارغ كجوالي قد دوا فركارا: دغكي ترهادف سساورغ يغ الله كورنايكن كقدن هرتا دان دي مبلنجانن قد جالن كبتن، سرتا سساورغ يغ دكورنايكن حكمه لالو دي مغمالكن دان مغاكركن كقد اورغ لاي. {حديث رواية إمام بخاري}

جماعه يغ درحمتي الله،

الله ﷻ اكن مغوجي همبا-همبان دغن مغورنايكن نعمت يغ كادغ كلا تيدق سام دانتارا ساتو دغن يغ لاي. اومقامن اد سستغه اورغ مندافت نعمت درقد الله ﷻ دغن جفت، اد يغ لميت، اد يغ ليه دان اد يغ كورغ. اين منجوقكن بوكته الله ﷻ ايت تيدق بر صفة عادل، ماله الله ﷻ تله مغورنايكن نعمت ايت برسسواين دغن كدودوقن دان كادان ماسيغ-ماسيغ.

اوليه يغ دمكين، اقبيل اد همبا الله ﷻ يغ دكورنايكن نعمت يغ بايق، مك اكن تيمبول قولاً فيهي يغ لاي مفرسوالكن سقرني مغاف تيدق دبريكن كقدن اتو لميتن نعمت ايت سمقي كقدن. كتيدق سمان ترهادف نعمت يغ دكورنايكن اين، كادغ كلا ميبينن تيمبول فراسان حسد دغكي دالم ديري سساورغ. سسوغكوهن فراسان اين امت دلارغ اوليه الله ﷻ شجانه و تعالى بر فرمان دالم سورة النساء آية ٣٢:

تفسيرن:

دان جاغلله كامو ليري هاتي ترهادف كورنيا يغ تله دلبيهكن الله كقد سبهاكين كامو اوس سبهاكين يغ لاي. (كران) اونتوق لاكي-لاكي اد بهاكين درقد اف يغ مريك اوسهاكن، دان اونتوق فرمقوان اد بهاكين درقد اف يغ مريك اوسهاكن. دان فوهونكته كقد الله ليمقه كورنيا. سسوغكوهن الله اداله مها مغتهوي سكل سسواتو.

جماعه يغ درحمتي الله،

حسد دغكي اداله انتارا قياكيت هاتي يغ فالينغ دهشت يغ جك دياركن اكن مبونوه نيلاي كاسيه ساينغ، كاخلاصن دان كفرجاين دالم كهيدوفن بر مشاركة. نامون دميكين، تردافت جارا اونتوق منجكه دان مغواتين. اي فرلو كقد براف فندكتن، انتاران:

فرتام: كيت هندقله سنتياس مغاوسي ديري دان مبدري بهاوا قياكيت حسد دغكي بوليه مروسفنكن دان مييناساكن ديري سندري .

كدوا: كيت هندقله تاهو منشكوري نعمت يغ تله دانوكرهكن اوليه الله ﷻ شجانه و تعالى.

كتيك: جك كيت مليهت اورغ لاي ممقراوليهي نعمت اتو كليهن، كيت هندقله مغاكو يهاوا مريك ممقراوليهي دغن حاصل اوسها دان كورنيا الله ﷻ شجانه و تعالى.

كامقت: هندقله كيت راجين بكرجا، براختيار اونتوق منجاري رزقي دان كورنيا الله ﷻ شجانه و تعالى.

كليم: جاغلله كيت سنتياس مبنديغ-بنديشكن ديري كيت دغن اورغ يغ ليه تيغكي كادان اتو تارقن درقد كيت.

كائم: سنتياسله كيت بردعاء موهون فرليندوغن الله ﷻ شجانه و تعالى دري صفة حسد دغكي.

كوجوه: جك كيت ماسيه جوك ممقوي اي صفة حسد دغكي دالم ديري، مك كيت هندقله برتوبه دان براستغفار اتو موهون امقون كقد الله ﷻ شجانه و تعالى.

اوليه يغ دمكين، سودارا-سودارا اسلام يغ دكاسيهي، اقبيله دان جاوهيله ديري كيت درقد فراسان حسد دغكي يغ دلارغ دالم اكام كيت، جاجن سمقي اي برسارغ ددالم هاتي. اين كران اي اداله انتارا صفة يغ دنجي اوليه الله ﷻ شجانه و تعالى. اقبيله سبدا رسول الله ﷺ دالم حديث يغ دروايتكن اوله امام ابو داود، درقد ابو هريرة رضى الله عنه كاتن: تله برسبدا رسول الله ﷺ إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ، فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ.

مقصودن:

هندقله كاليان منجاوي صفة حسد دغكي، كران اي مغهافوسكن كيباين، سقرتمان اين مغهافوسكن كاوي.

اخيرن، سام-سامله كيت بردعاء سموك كيت هيذوف دالم كادان يغ هرموني دان بر كاسيه ساينغ، موده-مودهن دغن يغ دمكين، اكن ملاهيركن مشاركت يغ هرموني دان برساتو قادو. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

كاتاكلله (واهاي ني محمد): "اكو برليندوغ قد توهن يغ مفاوسي اي صبح. درقد كجاهن مخلوق-مخلوق يغ دي جيفتاك. دان درقد كجاهن مالم اقبيل تله كلف كليتا. دان درقد كجاهن توكغ-توكغ سيحير يغ مغمبوس-همبوس قد سيمفولن-سيمفولن. دان درقد كجاهن اورغ يغ دغكي اقبيل دي دغكي." {سورة الفلق آية: ١-٥}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْحِجَّةِ الْثَانِيَةِ.

PAMERAN KETENGGAHKAN INTEGRASI PENYELESAIAN TEKNOLOGI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



TUNGKU LINK, Sabtu, 24 Mei. - Pameran Projek Universiti Teknologi Brunei (UTB) 2025 telah diadakan di Dewan Serbaguna dan Bangunan Fakulti Kejuruteraan di universiti berkenaan di mana pameran tersebut adalah untuk meraikan kerja keras dan pencapaian pelajar tahun akhir dari sekolah yang berbeza di dalam UTB, hari ini.

Dengan membawakan tema 'Synergising Innovation, Technology and Sustainability : Empowering The Future', pameran komprehensif ini menunjukkan cara jurutera, ahli teknologi dan generasi saintis akan datang dalam menangani cabaran global melalui penyelidikan dan pembangunan.

Pameran ini juga menentengahkan projek pelajar

yang mengintegrasikan penyelesaian teknologi dengan amalan mampan, mencerminkan komitmen UTB untuk memupuk graduan yang boleh memacu perubahan bermakna dalam dunia yang semakin kompleks.

Dengan menekankan persimpangan kritikal inovasi, teknologi dan penjagaan alam sekitar, tema tahun ini menggariskan dedikasi universiti untuk melahirkan pakar profesional sedia industri yang dilengkapi untuk menangani keperluan kelestarian Wawasan Brunei 2035 sambil memupuk pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial.

Majlis pelancaran pameran tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman yang juga hadir

selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Dekan Pusat Pengajian Perniagaan UTB, Dr. Fadziwati binti Mohiddin selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya melahirkan rasa bangga yang amat mendalam terhadap pencapaian pelajar.

Beliau menekankan bahawa pameran itu mengatasi pameran semata-mata, berfungsi sebagai platform dinamik untuk pertukaran pengetahuan, rangkaian industri dan menunjukkan potensi sumbangan pelajar kepada pembangunan negara.

Sebanyak 366 projek pelajar dibentangkan, menunjukkan idea dan penyelesaian kreatif daripada UTB School of Business (UTB SB), Faculty of Engineering (Feng), School of Computing and Informatics (SCI), School of Applied Sciences and Mathematics (SASM), School of Design (SDe) dan The Centre for Communication, Teaching and Learning (CCTL).

Para hadirin pada pameran tersebut diberi peluang untuk meneroka projek pelajar dan terlibat dalam perbincangan bermakna dengan inovator muda mengenai inisiatif penyelidikan dan pembangunan mereka.

Pameran Projek UTB berfungsi sebagai titik penumpuan untuk pelajar, fakulti, pengamal industri dan komuniti yang lebih luas. Acara ini memudahkan peluang rangkaian yang berharga antara pelajar dan bakal majikan sambil menyediakan platform berprestij untuk mempamerkan kecemerlangan akademik dan keupayaan inovatif mereka.



PAMERAN Projek Universiti Teknologi Brunei (UTB) 2025 disempurnakan oleh Naib Canselor UTB yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan pameran.



Bantuan kewangan ringankan beban mangsa bencana

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. - Seramai dua orang ketua keluarga telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan

Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Majlis berlangsung di bangunan KKBS.

Penerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir. Kesemua

PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana berkenaan.

mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana berkenaan dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana berkenaan, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Pemberian bantuan kewangan berkenaan adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha berkenaan menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang ditimpa musibah.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengendalikan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:

<https://moh.gov.bn/>



BERI PENDEDAHAN CARA PENYEMBELIHAN MENURUT HUKUM SYARAK

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Sabtu, 24 Mei. - Ibadat korban merupakan antara ibadat yang sangat dituntut bagi umat Islam yang berkemampuan untuk mengerjakannya.

Semasa ibadat korban, binatang ternak seperti unta, kambing, kerbau atau lembu akan disembelih

pada waktu yang ditetapkan, iaitu selepas terbit matahari pada Hari Raya Aidiladha, setelah selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijah hingga terbenam matahari hari tasyrik yang terakhir, iaitu hari ke-13 Zulhijah.

Sehubungan dengan itu, agama Islam mensyariatkan haiwan yang disembelih sesuai dengan aturan syarat agar menjadikan haiwan yang disembelih berkenaan baik dan suci serta halal untuk dimakan.

Justeru, dalam menekankan tentang peri mustahaknya pengetahuan mengenai ibadat korban berkenaan, Bengkel Penyembelihan Secara Islam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah dikendalikan hari ini bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar.

Kira-kira 70 peserta terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) serta belia masjid seluruh negara dan jemaah masjid menyertai bengkel berkenaan dalam usaha untuk menerapkan pembelajaran secara praktikal penyembelihan binatang.

Antara tujuan bengkel berkenaan dikendalikan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai cara-cara penyembelihan menurut hukum syarak, di samping menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman para peserta mengenai ibadat korban.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengimarahkan masjid serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan para peserta, pegawai dan kakitangan daripada

jabatan-jabatan yang terlibat.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Bengkel diunggayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama AJKT MRSB, Kampung Sungai Akar.



BENGKEL Penyembelihan Secara Islam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

76 pelajar cemerlang SMSH diraikan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. - Seramai 76 pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan (SMH), Kampung Kilanas diraikan atas pencapaian akademik mereka pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Tahunan Sekolah bagi BCGCE 'O' Level dan IGCSE, Program Pearson BTEC Kohort 13 dan Program Pra-Vokasional untuk 2024.

Pada majlis berkenaan, dua pelajar turut diraikan kerana berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional Kohort 2020 hingga 2024, dan tujuh pelajar kerana menamatkan Program BTEC Kohort 13 (2023 hingga 2024).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Jabatan

Sekolah-sekolah, Jabatan Pendidikan Khas, pemimpin-pemimpin sekolah dari Kluster 2, dan Ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Semasa majlis berkenaan, Pengetua SMSH, Awang Moss bin Mat Juni menyampaikan ucapannya yang merangkumi penghargaan beliau kepada ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar atas komitmen dan sokongan mereka terhadap kecemerlangan akademik.

Beliau juga berkongsi inisiatif baharu sekolah serta kata-kata semangat dan nasihat kepada hadirin.

Dalam majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan dua kategori anugerah kepada pelajar, iaitu Anugerah Kecemerlangan Akademik khasnya bagi mereka yang mencapai lima hingga lapan kredit dan mencapai Gred A* dalam BCGCE 'O' Level dan IGCSE 2024.

Tetamu kehormat majlis juga menyampaikan sijil tamat Program Pra-Vokasional kepada dua pelajar dan sijil tamat Program BTEC Kohort 13 kepada tujuh pelajar.

Selain menyampaikan anugerah dan sijil kepada pelajar, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan anugerah dan sijil penghargaan kepada 24 guru yang menunjukkan peningkatan dalam pencapaian pelajar mengikut mata pelajaran khususnya dalam Mathematics D, Additional Mathematics, Pengetahuan Agama Islam, Bahasa Melayu, Additional Mathematics, Combined Science, Geography, History, Accounting, Kesusasteraan Melayu, Food and Nutrition dan Computer Science.

Manakala, tujuh guru Program BTEC turut menerima anugerah dan sijil serta enam guru Program Pra-Vokasional.

Pada akhir majlis, dua anugerah khas telah disampaikan, iaitu kepada Dayang Cisca Nicole Enat binti Abdullah yang menerima anugerah khas untuk keputusan cemerlang dalam Pearson BTEC Level 2 Extended Certificate in Art and Design; sementara Awang Muhammad Hairul Akmal bin Roslan pula menerima anugerah khas sebagai pelajar terbaik keseluruhan dalam BCGCE 'O' Level dan IGCSE 2024.

Manakala Pengetua SMSH pula menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada tetamu kehormat majlis.



SEKITAR Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Tahunan Sekolah bagi BCGCE 'O' Level dan IGCSE, Program Pearson BTEC Kohort 13 dan Program Pra-Vokasional untuk 2024.

Peluang menonjolkan kreativiti, kemahiran menyelesaikan masalah pelajar

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei



SEKOLAH Perdagangan dan Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Brunei semasa menganjurkan Pameran Projek Tahun Akhir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. - Sekolah Perdagangan (SBS) dan Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (SICT), Politeknik Brunei dengan bangganya telah berjaya menganjurkan Pameran Projek Tahun Akhir, sebuah acara berimpak tinggi yang menonjolkan kreativiti, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajarannya.

Pameran berkenaan berlangsung selama dua hari di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) yang terletak di Lambak Kanan pada 21 dan 22 Mei lalu.

Ia mempamerkan pelbagai projek inovatif yang dirangka dengan teliti, berteraskan tema kelestarian.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diserikan dengan kehadiran Ketua Pusat Inovasi Keusahawanan, Awang Adna Shatirremie bin Haji A. Abdul Rahman, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Penolong Pengarah, ketua-ketua sekolah, ketua-ketua bahagian, para pensyarah dan pelajar daripada kedua-dua SBS dan SICT, serta wakil industri. Kesemuanya bersatu dalam menyokong penyelesaian inovatif yang diketuai oleh pelajar demi masa depan yang lebih lestari.

Pada majlis berkenaan, Ketua SICT, Awang Tan Szu Tak juga menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Antara tarikan utama pameran berkenaan ialah hasil kerja pelajar daripada Program Media Digital di bawah jenama ECOLENS, yang mempersembahkan pelbagai karya kreatif termasuk filem pendek, dokumentari, konsep pemasaran, dan media interaktif.

Setiap projek memberi tumpuan kepada isu-isu alam sekitar yang kritikal, dengan matlamat untuk menyumbang kepada dunia yang lebih hijau dan berkesedaran ekologi.

Selain itu, para pelajar dari SBS dan SICT turut mempamerkan projek tahun akhir mereka yang merangkumi produk dan perkhidmatan lestari, serta aplikasi dan laman sesawang yang dibangunkan bagi menangani cabaran alam sekitar dan keperluan harian.

Projek-projek berkenaan menekankan kepentingan pengintegrasian kelestarian dalam model perniagaan dan penyelesaian teknologi masa kini.

Pameran selama dua hari berkenaan menawarkan peluang berharga kepada para pelajar, pensyarah, pakar industri dan orang awam untuk melibatkan diri dalam perbincangan bermakna mengenai peranan inovasi dalam menangani cabaran dunia sebenar.

Selain itu, ia juga menjadi platform ideal untuk berinteraksi bersama pelajar dan melihat bagaimana generasi pemimpin serta inovator masa depan memainkan peranan dalam membentuk dunia yang lebih mampan.

Pameran Projek Tahun Akhir berkenaan telah dibukakan untuk kunjungan orang ramai dan pengunjung juga dapat merasai sendiri kepelbagaian inovasi dan kelestarian yang diketengahkan, di samping dapat berinteraksi dengan pemikir dan pencipta muda yang menjadi penggerak kepada perubahan ke arah masa depan yang lebih lestari.



Jawatan:
Pengajar Teknik
Institut Pendidikan Teknikal Brunei

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
G.3
(BND1,310 - BND2,715 sebulan)
G.8
(BND1,600 - BND3,260 sebulan)

Kekosongan Jawatan:
Dua belas (12)

Tarikh Buka Permohonan:
Rabu,
28 Mei 2025.

Tarikh Tutup Permohonan:
Rabu,
11 Jun 2025.

Kod Rujukan Iklan:
20250528 / TP / III / TI



Rujukan dan Tajuk Tawaran:
(42) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Membekalkan Pembelian
Cenderamata Bagi
Permesyuaratan, Program Dan
Aktiviti Di Bawah Meja Hal
Ehwal Antarabangsa,
Unit Perhubungan Korporat

Rujukan dan Tajuk Tawaran:
(43) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Membekalkan Pembelian
Cenderamata Bagi
Permesyuaratan Dan Projek Sub
Committee Of Information (SCI)
Dan SOMRI Working Group On
Information, Media And Training
(SOMRI WG-IMT)

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(44) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Membekalkan Pembelian
Cenderamata Bagi Kunjungan
Hormat Ke Jabatan Penerangan

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
29 Mei 2025.
Jam 8.30 Pagi.



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Kawalan
Keselamatan Di Pusat Memproses
Mel, Lapangan Terbang Lama
Berakas Bagi Tempoh Satu
(1) Tahun
POS / T / 01 / JPP / 2025-2026

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Towing Bagi
Kenderaan Kerajaan Jabatan
Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun
POS / T / 02 / JPP / 2025-2026

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Membekal / Memelihara /
Membaiki Motosikal Jabatan
Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun
POS / T / 03 / JPP / 2025-2026

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 24 / 25 - 26
Supply And Delivery Of
Studio LED Panel
Light Power Supply Board

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 25 / 25 - 26
Supply And Delivery Of Audio
Equipment For TV Studio

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
11 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 22 / 25-26
To Supply And Deliver
Editing PC And Audio Interface
District Studio Radio

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
28 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Tawaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan

MOE / LTK / 06 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 07 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi

Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 08 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Pusat Tingkatan Enam Meragang, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 09 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Pusat Tingkatan Enam Tutong, Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan, Negara

Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 10 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 11 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 12 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Blok 2J Dan 2 I, Bangunan Ong Sum Ping, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei



Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada:
Sabtu,
7 Jun 2025.

Tarikh Tutup:
Selasa, 10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-0

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Pembekalan Dan Pemasangan Cucul LED Di Sepanjang Jalan Sultan Daripada Jambatan Edinburgh, Persimpangan Jalan Sultan / Jalan Haji Basir Sehingga Pusing Keliling Jalan MC Arthur Di Hadapan Bangunan Energy Hub

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / B01303-07

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



1. Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mengganti Baharu Pemegang Tangan (Handrail) Serta Mencat Keseluruhan Bangunan Pentas Diraja Kuala Belait Di Jalan Sultan Kuala Belait
Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)

Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen

12 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

2. Sebut Harga Bagi Waterproofing Works To Roof Slab And Gutter At Bangunan Pasar Lama Kuala Belait Jalan McKerron Kuala Belait


Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KPB02)
13 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
3 Jun 2025. (Selasa)

Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
10 Jun 2025.
Selasa,
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU / TA / 01
Pembelian 'Huawei Storage Area Network (SAN)'

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 Jun 2025**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Jun 2025.
2.00 Petang.

Bilangan Dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG / TA / 05

Pembelian Small Recovery Flatbed (Multipurpose Recovery Vehicle) Bagi Kegunaan Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **Selasa, 17 Jun 2025, Jam 2.00 Petang**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Jun 2025.
2.00 Petang.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 08 / 2025

Keterangan:
Kontrak Bagi Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan Dan Penghantaran Makan / Minum Berkonsepkan Individually Packed Meals And Drinks Bagi 50 Orang Atlet Di Bawah Program Elit Kecemerlangan (Pek) Kendalian Jabatan Belia Dan Sukan

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Jun 2025.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
14 / APRIL / 2025 / KKBS / SECURITY / DBP

Tarikh Tutup Tawaran :
10 Jun 2025,
jam 2.00 Petang.
Selasa.

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan-Bangunan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran:
JPH / 1207-004 / TAW / 398 / 2024-2025
Pembelian Anak Pokok Bagi Kawasan 10 (Seksyen 4 & 5) Di Antara Lembah Sg. Tutong & Sg. Belait Inter-Riverine Zon (IRZ)

Tarikh Tutup Tawaran:
8 Julai 2025.
Selasa,
2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
JDT / S / 05 / 2025 - 2026
Sebut Harga Penyewaan Kantin Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Iklan Tarikh Tutup Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 1.2025
DATA
ANALYTICS-AS-A-SERVICE (DAaaS), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi (MTIC)

Bayaran Yuran Tawaran:
BND1,005.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:
Selasa,
17 Jun 2025.



**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
(10) NDMC / TSH / 2025-2026
Perkhidmatan Jamuan Untuk Petugas Yang Berkhidmat Dalam Pengurusan Bencana Koordinasi Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) [Makanan Dan Minuman – Secara Tapau Dan Berhidang] Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu 18 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Sebut Harga Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
MOFE / UPAH / Q / 2025 - 2 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pembuangan Sampah Bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive Bagi Tempoh 36 Bulan (Retender)

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup:
Khamis, 29 Mei 2025.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat Kementerian Pendidikan

Pemberitahuan Tawaran Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan

Bilangan Tawaran 1:
L3C / LTK / B2106 / 2025 – 2026 / 01

Tajuk Tawaran 1:
Cleaning Service For Two (2) Years At Lifelong Learning Centre (L3C), Ministry Of Education

Bayaran Yuran / E-Dokumen Tawaran 1:
BND35.00 [Bayaran Dokumen Tawaran sebanyak BND30.00 dan Bayaran E-Dokumen sebanyak BND5.00 tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu 1:
10 Jun 2025.
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

Bilangan Tawaran 2:
L3C / LTK / B2109 / 2025 – 2026 / 01

Tajuk Tawaran 2:
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3C), Kementerian Pendidikan Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / E-Dokumen Tawaran 2:
BND35.00 [Bayaran Dokumen Tawaran sebanyak BND30.00 dan Bayaran E-Dokumen sebanyak BND5.00 tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu 2:
10 Jun 2025.
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

Pembayaran dan Penerimaan Yuran / E-Dokumen Tawaran Adalah Secara Atas Talian (online).



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 02 / 2025-2026

Keterangan:
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Sampul Surat Sulit Bagi Kertas Soalan Dan Jawapan, Lembaga Peperiksaan Pelajaran Agama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal U gama, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Zulkaedah 1446H / 28 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
3 Jun 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
17 Jun 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 14 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Pendingin Udara Di Bangunan Galeri (GKDYMM), Jabatan Perdana Menteri

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery & Installation Of Data Module And Visual Display Control Units For Flight Information Display System (FIDS) At The Arrival Hall Information Counter, Brunei International Airport
TERMINAL / 2025-2026 / SH-03

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation and Configuration of 60cm double side NTP analogue clock at Terminal Building,

Brunei International Airport
TERMINAL / 2025-2026 / SH-04

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
14 Mei 2025.
Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
27 Mei 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 Mei 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0006 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Mengendalikan Kursus Pengendalian Bahan Kimia Inklusif Jamuan dan Tempat Latihan

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0007 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply Apparatus And Test Kits For Marine Sediment Analysis

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Provide And Conduct Open Water Diving And Advance Water Diving Training Courses

Tarikh Tutup:
Khamis,
29 Mei 2025.



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Rujukan Tawaran:
POS / T / 06 / JPP /
2025 - 2026

Perkhidmatan Pengutipan Dan
Pembuangan Sampah Di Pejabat-
Pejabat Jabatan Perkhidmatan
Pos Dan Rumah-Rumah Pangsa
Jabatan Perkhidmatan Pos Bagi
Tempoh Sebelas (11) Bulan
(Jun 2025 - April 2026)

Rujukan Tawaran:
POS / T / 07 / JPP /
2025 – 2026

Perkhidmatan Pemotongan
Rumput Dan Pemeliharaan
Kawasan Di Pejabat-Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Pos Dan
Rumah-Rumah Pangsa Jabatan
Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh
Sebelas (11) Bulan
(Jun 2025 - April 2026)

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA
/ 008

Pembelian Multifunctional
Unmanned Aerial Vehicle
(MF-UAV) Bagi Kegunaan
Unit-Unit Tentera Darat
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah lima (5)
hari sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa, 10 Jun 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 Jun 2025.
2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan**

Notis Sebut Harga

1. Bil. Sebut Harga:
KPN / PR / 6 / 2025 / Q01

Membekalkan Kotak
dan Plak Cenderahati Bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Pembangunan dan
Jabatan-Jabatan Di Bawahnya
Yang Bersara Pada Tahun 2024

2. Bil. Sebut Harga:
KPN / PR / 6 / 2025 / Q02

Membekalkan (i) 'Certificate' dan
(ii) 'Certificate Holder' Bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan



JABATAN PERDANA MENTERI

**Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T01
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills 'Career Starter'

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T02
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus 'Soft Skills' Communicate
With Impact

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T03
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus 'Soft Skills' Building
Effective Team Players

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T04
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus 'Soft Skills' Essential
Problem Solving For Jobseekers

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T05
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus 'Soft Skills' Presenting
Yourself Professionally: Image,
Etiquette And Beyond

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T06
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus 'Soft Skills' Task Efficiency:
Mastering Time Management

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 /
T07
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus 'Soft Skills' Empowering
Leadership: Inspire With
Confidence

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
28 Mei 2025.
Rabu, 2.00 Petang.

**Tawaran hendaklah dicalitkan
kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Pusat Pekerjaan Brunei,
Bangunan Pusat Pekerjaan
Brunei,
KM 8, BE1118,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Kementerian Pembangunan dan
Jabatan-Jabatan Di Bawahnya
Yang Bersara Pada Tahun 2024

Bayaran Sebut Harga:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 19 Mei 2025.

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**
Khamis, 29 Mei 2025

Tarikh Tutup:
Isnin, 2 Jun 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

**Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26
/ T01
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus 'IOSH Managing Safely
(IOSH Certificate in Managing
Safely)'

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T02
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Workplace Safety and
Health Management in
Construction (For Managers &
Supervisors)

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26
/ T03
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Risk Management

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T04
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus AI-Driven
Organizational Management

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T05
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah
Program SkillsPlus
Adobe Illustrator & Adobe
Photoshop

Bilangan dan Tajuk



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 02
/ 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Renovation Works On Cafeteria
At Ministry Of Primary
Resources And Tourism

Tarikh Buka Sebut Harga:
19 Mei 2025, Isnin.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
19 Jun 2025, Khamis.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Taklimat:
Bermula 19 Mei 2025, Isnin.

Jam:
Semasa Waktu Bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian

Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T06
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus AutoCAD

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T07
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Basic Bookkeeping dan
Brunei Darussalam Accounting
Standards and International
Financial Reporting Standards

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T08
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Conflict Management
and Problem Solving

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T09
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Fundamentals of
Internal Auditing & International
Standards on Auditing

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T10
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Data Analytics with
Excel

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T11
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Effective Decision
Making

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T12
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Fundamentals of
Internal Auditing & International
Standards on Auditing

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T13
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Fundamentals of
Leadership and Management



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pembersihan
Bangunan (Cleaning Service)
Bangunan Pentadbiran (DCA
Building) Jabatan Penerbangan
Awam Bagi Tempoh 2 Tahun
(24 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-18 / R
(Kelas I, II atau Ke atas)

Tajuk Tawaran:
General Service & Carryout
Repair Works For Chilled Water
Pumps At Brunei International
Airport
AME / 2025-2026 / SH-22
(Kelas IV atau Ke atas)

Tajuk Tawaran:
Supply & Install Repair And
Replace Cable, Bulbs &
Transformer 200w At High
Intensity 21 And Low Intensity 21
At Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-24
(Kelas V atau Ke atas)

Tajuk Tawaran:
Kontrak Pemeliharaan
Sistem-Sistem Penghawa Dingin
Di Bangunan Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei Selama
Enam (06) Bulan
AME / 2025-2026 / SH-25

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T14
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Basic of Human
Resource Management &
Human Resource
Analytics

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T15
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah Program
SkillsPlus Introduction to IT
Technician

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T16
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah
Program SkillsPlus
Introduction to Web
Development

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T17
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah
Program SkillsPlus
Fundamental, Intermediate
and Advance Microsoft Word

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / T18
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Di Bawah
Program SkillsPlus
Fundamental, Intermediate and
Advance Microsoft Excel

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
28 Mei 2025,
Rabu,
2.00 Petang.

**Tawaran hendaklah
dicalitkan kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Pusat Pekerjaan Brunei,
Bangunan Pusat Pekerjaan
Brunei,
KM 8,
BE1118,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

(Kelas I, II atau Keatas)

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Landskap Di Kawasan
Northern Parallel Taxiway,
Jabatan Penerbangan Awam Bagi
Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-26
(Kelas I, II atau Keatas)

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Landskap Di
Kawasan Southern Parallel
Taxiway E5-E4 Dan
Persekitarannya,
Jabatan Penerbangan Awam Bagi
Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-30
(Kelas I, II atau Keatas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Mei 2025.
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
3 Jun 2025.
Selasa.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Jun 2025.
Rabu.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 204 / 2020

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Siti Mawarni Binti Basri
BYIC NO. 00-293012
Penghutang / Penentang
Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 April 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Siti Mawarni Bin Basri
No. 37,
Simpang 355-21-16-30-3,
STKRJ Kampung Tungku Katok A
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
7 Disember 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
23 April 2025

Kes No.
BCY / CP / 9 / 2024

Yang Amat Mulia PMSLD Sahibul Irshad Pg Anak Dato Laila Utama Pg Haji Abdul Rahim Bin Pg Indera Mahkota Pg Muda Kemaludin Al-Haj
Pemiutang / Pemetisyen

Ridzlan Bin Haji Ibrahim
BYIC NO. 00-116333
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 April 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Ridzlan Bin Haji Ibrahim
No. 9,
Simpang 58,
Jalan 77, Perpindahan Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
9 Disember 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
23 April 2025

Kes No.
BCY / CP / 184 / 2016

Baiduri Finance Berhad
[Previously filed by HSBC Finance (B) Berhad]
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

JD1 – Serinah Binti Awg Haji Shahadan (00-078159)
JD2 – Amil Bin Abdul Lamit (Deceased) (31-009314)
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **5 Februari 2015 telah dibatalkan pada 19 April 2025.**

Nama Penghutang:
JD1 – Serinah Binti Awg Haji Shahadan (00-078159)
JD2 – Amil Bin Abdul Lamit (Deceased) (31-009314)

Alamat Penghutang:
No. 15, Simpang 48-7,
Kampung Perpindahan Katok
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
22 April 2025

Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY/CP/352/2020

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Ronie Yurienta Bin Haji Mohd Saidi
[Kad Pengenalan Brunei No. 00-257843 - Kuning]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 April 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Ronie Yurienta bin Haji Mohd Saidi,
No. 42, Jalan Bunga Gadong,
Kg. Perpindahan Berakas,
BB2713, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
22 November 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
23 April 2025

Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 509 / 2017

Baiduri Bank Sendirian Berhad
[Formerly known as Baiduri Bank Berhad]

Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Haji Muhammad Nasiruddin Bin Haji Abdul Latif
Penghutang Penghakiman / Penentang
(BYIC No.00-285955)

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **6 Disember 2018 telah dibatalkan pada 17 April 2025.**

Nama Penghutang:
Haji Muhammad Nasiruddin Bin Haji Abdul Latif

Alamat Penghutang:
No. 2,
Spg. 254-23,
Ban 3, Mulaut,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
24 April 2025

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 253 / 2017

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

Nama Penghutang -
Radinmaswati Binti Haji Rosman (00-285308) **Alamat -** No. 1, Simpang 502-34-22, Kampong Beribi BE1118, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor -** Kebankrapan Bil. 253 Tahun 2017 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 27 % Pertama atau terakhir selainnya - Pertama** **Bila kena dibayar - 5 Februari 2025 Dimana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
7 April 2025

Dk Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufriar @ Pg Tajuddin
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar Brunei Darussalam

Kes No.
BCY / CP / 280 / 2012

HSBC Finance (Brunei) Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohd Syahmirul Nizam Bin Hj Usen
(00-312845)
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **12 Oktober 2013 telah dibatalkan pada 10 April 2025.**

Nama Penghutang:
Mohd Syahmirul Nizam Bin Hj Usen

Alamat Penghutang:
No. 2, Simpang 134,
Jalan Ambin Perumahan Lugu,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
21 April 2025

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 327 / 2024

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Abdul Harif Bin Bahrudin @ Abdul Harif Bin Buah
BYIC No. 01-043621
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 April 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
Abdul Harif Bin Bahrudin@Abdul Harif Bin Buah
No. 1, Spg. 52-55-20,
Kg. Mata-Mata Gadong BE1718,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
11 Januari 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
28 April 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 April 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 26 Mei 2025 jam 2.30 Petang.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Mei 2025 jam 2.30 Petang di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
28 April 2025

Nurulbillah Aqilah Binti Haji Mohd Ali
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL : **iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : **+673 2383400**
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالیئن گنمبر ۲ دیکیتل
JUALAN SALINAN
GAMBAR-GAMBAR DIGITAL

**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT
JABATAN PENERANGAN**

**JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

**GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN**

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

**InfoDeptBN**

**Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam**



infodept.bn



infodept_bn

IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada jemaah haji melambai ahli keluarga mereka sebelum berangkat belayar. - Foto: Azmah Haji Ahad.

SEBAHAGIAN daripada siswi yang hadir pada Majlis Penerimaan Siswi-Siswi Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



PERSEMBAHAN nyanyian bagi menyerikan Brunei Shell Joint Venture (BSJV) Long Service Emblem Award Ceremony yang berlangsung di The Empire Brunei. - Foto : Ak Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

MURID Sekolah Rendah Tanjung Kindana semasa menerima lawatan sambil belajar daripada rombongan luar negara iaitu Saceda Youth Lead International Program in Asia (SIPA) Republik Filipina. Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Othman yang hadir pada Jerayawara Kenali ASEAN. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

ANTARA aksi perlawanan pertemuan DPMM FC dengan Indera SC yang berakhir dengan keputusan 1-0. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.




Merealisasikan impian raja, ratu sehari pada harga berpatutan

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Dk. Siti Nurulizzati Pg. Haji Ibrahim

DALAM sesebuah majlis perkahwinan, amalan bersanding dianggap sebagai kemuncak acara. Oleh itu penggunaan pelamin adalah sesuatu yang tidak dapat diasingkan. Majlis perkahwinan tidak lengkap jika kedua-dua mempelai tidak disandingkan di atas pelamin.

Dengan pelamin yang dihias indah ia menjadi penyeri kepada majlis raja dan ratu sehari. Banyak pilihan pelamin yang ditawarkan oleh para *wedding planner* daripada harga *premium* mahupun pada harga sederhana.

Dayangku Siti Nurulizzati binti Pengiran Haji Ibrahim telah mengusahakan perniagaan sewa pelamin pada harga berpatutan bermula empat tahun yang lalu. Beliau telah melaksanakan perniagaan ini sepenuh masa bermula dua tahun yang lalu dengan nama syarikat Lokal Collection.

Sebelum mengusahakan sendiri khidmat sewa pelamin ini, beliau bekerja sebagai Media Specialist di butik pengantin.

Antara perkhidmatan yang beliau tawarkan ialah pelamin pada harga sewa berpatutan, menggubah hantaran, menyewakan aksesori pengantin lelaki

dan perempuan serta menyewa Kain Jongsarat. Selain itu, syarikat beliau juga ada menyediakan perkhidmatan tausyeh, dikir dan hadrah.

Beliau mendapat idea membuka perniagaan ini dengan melihat daripada pengalaman tempat kerja yang terdahulu dan ketua di tempat kerja dahulu itu pun mendorong untuk membuka perniagaan yang diminati.

Selain mempunyai minat yang mendalam dalam seni khidmat perkahwinan, beliau juga mahu menolong dan memudahkan urusan orang yang ingin bersederhana dalam memilih harga pelamin untuk membuat sesuatu majlis.

Produk dan khidmat yang laris ialah pelamin *budget* dan *menggubah hantaran*. Harga pelamin *budget* ialah BND120 hingga BND150, gubahan hantaran dari harga BND8 hingga BND13, sewa aksesori dan Kain Jongsarat bermula BND30 hingga BND60 dan perkhidmatan tausyeh, dikir dan hadrah bermula pada harga BND100 hingga BND150.

Material yang digunakan dalam perkhidmatan beliau kebanyakannya diperoleh dari dalam

negara, dan ada juga dari negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia untuk pembelian bunga dan lampu pelamin.

Beliau turut dibantu oleh beberapa pekerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan yang menunggu kerja tetap dan dalam kalangan mereka yang ingin mencari pengalaman.

Menurut beliau daripada minat yang mendalam maka timbullah kreativiti diri. Dengan kemudahan media sosial yang digunakan secara meluas seperti TikTok dan Instagram, ada pempengaruh yang mengajar cara menggubah bunga secara percuma mahupun berbayar dan inilah beliau manfaatkan sebaiknya.

Ditanya mengenai cabaran dalam perniagaan, antara yang pernah dialami ialah membuka pelaminan pada tempoh yang singkat terutama pada acara yang berlangsung di dalam dewan yang sering kali mempunyai masa yang terhad untuk memasang dan membuka pelamin.

Selain itu, pernah juga pelanggan menukar tarikh acara pada saat-saat akhir disebabkan masalah tertentu dan pada tarikh yang baharu itu tempahan sudah penuh.

Beliau yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan ini bersyukur kerana dengan berniaga beliau dapat meluangkan masa dengan suami dan anak-anak.

Semasa bekerja dahulu, beliau terpaksa menunggu giliran untuk bercuti untuk meluangkan masa bersama keluarga. Sekarang memandangkan jadual dipegang oleh beliau sendiri, maka beliau boleh memilih tarikh untuk bercuti pada bila-bila masa.

Menurutnya walaupun beliau mempunyai ijazah yang berbeza dengan kerjaya yang diceburinya sekarang, apa yang penting adalah keberanian dalam membuat keputusan dan percaya kepada diri sendiri.

"Jangan takut untuk mencuba. Bukan bererti *kitani* berniaga *kitani* tiada pendidikan. Kejayaan *kitani* sebenarnya adalah tidak bergantung kepada kerja kerajaan. Satu ayat yang saya pegang dari bekas ketua saya selama ini iaitu *start now, than never*. Mulakan sekarang. Beranikan diri untuk membuat perniagaan apa sahaja daripada berpeluk tubuh di rumah dan tiada sumber pendapatan," ujarnya.

Beliau tidaklah mempunyai kedai mahupun *showroom* secara fizikal, oleh itu segala peralatan untuk perniagaan beliau disimpan di rumah iaitu menggunakan garaj rumahnya.

Bagi mereka yang ingin melihat hasil perkhidmatan yang beliau tawarkan, bolehlah melayari laman Instagram @lokalcollection.bn.



Menjaga kebersihan komitmen semua

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

MENJAGA kebersihan merupakan satu amalan yang amat penting untuk setiap individu. Kesihatan diri merupakan perkara yang penting dalam kehidupan tanpa mengira faktor usia. Seseorang yang tidak mengekalkan kebersihan diri akan lebih mudah untuk dijangkiti penyakit. Dengan menjaga kebersihan, kesihatan kita dapat terjamin dan juga mengelakkan penyakit merebak kepada orang lain. Begitu juga dengan menjaga persekitaran kita akan menjadikan suasana sekitar yang sihat, bersih dan cantik mata memandang.

Kebersihan sangat dituntut dalam Islam. Bukan sahaja kebersihan hati bahkan kebersihan luaran (fizikal). Daripada Abu Malik al-Asy'ari Radiallahuanhu, beliau berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Kebersihan adalah sebahagian daripada iman". (Hadis Riwayat Muslim)

Memang kita sudah sering mendengar tentang kebersihan yang menjadi topik bualan jika ada perkara yang berbangkit terutama sekali jika berkaitan dengan kesihatan di mana sampah-sampah berserakan, ataupun jika ada individu yang tidak menjaga kesihatan diri, berperwatakan pengotor serta tompokan sampah sarap yang menjadi sumber penyebaran penyakit pembawaan binatang. Ramai yang menuding jari kepada orang yang membuang sampah sesuka hati sebagai orang yang tidak menghargai alam sekitar yang bersih.

Tetapi tahukah awda kebersihan adalah tanggungjawab semua, bukan hanya tanggungjawab seorang dua termasuk petugas kebersihan. Menjaga kebersihan itu adalah tugas semua orang, semua peringkat umur tanpa mengira orang tua ataupun kanak-kanak.

Sikap sambil lewa ibu bapa dalam menitik beratkan aspek berkenaan mungkin boleh membawa padah. Sebagai contoh, anak-anak sering melihat ibu bapa mereka membuang sampah merata-rata, mereka akan mengikut perbuatan yang buruk ini. Oleh itu, amalan yang baik harus dilentur sejak dari rebungannya agar dapat membentuk kebersihan diri yang sihat semasa anak dewasa kelak.

Justeru, memang bertepatan jika ada pepatah mengatakan, bagaimana acuan begitulah kuihnya. Jika anak diajar sejak kecil tentang kebersihan, sudah tentu sikap dan kelakuan sebagai seorang pembersih akan tetap diamalkannya sehingga melangkah usia tua. Ini kerana kebiasaannya melihat kebersihan sebagai satu kemestian dalam hidupnya dan sikap seperti inilah yang cuba disemaikan dalam minda generasi pada masa ini. Didikan ibu bapa adalah yang terbaik untuk anak-anak kerana dengan didikan inilah akan membentuk sikap anak itu sendiri yang melihat contoh terbaik daripada ibu bapanya.

Apa gunanya berbaju cantik, kereta bersih berkilat tetapi tidak dengan kebersihan diri, keluarga dan tempat tinggal terutama bilik tidur, tandas ataupun dapur. Kita sering membaca, melihat mengenai sikap *hoarders* yang agak susah diubah tabiat mereka. Sikap

seperti inilah yang perlu kita hindari agar kita dapat hidup dalam satu persekitaran yang bersih, udara yang segar.

Pihak masyarakat juga harus sentiasa menasihati orang ramai sekiranya nampak seseorang membuang sampah merata-rata atau tidak menjaga kebersihan tandas. Masyarakat dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) juga boleh menganjurkan kempen gotong-royong untuk membersihkan kawasan tempat tinggal. Tempat-tempat di luar rumah seperti longkang yang tersumbat dan tempat takungan air mestilah kerap dibersihkan. Amalan ini dapat mengelakkan pembiakan haiwan perosak seperti nyamuk, lipas, lalat dan sebagainya. Amalan bergotong-royong adalah satu amalan yang terpuji menjadi kebanggaan masyarakat sejak dahulu lagi dan aktiviti ini boleh merapatkan lagi hubungan sesama anak buah kampung dan juga jiran tetangga.

Baru-baru ini beberapa berita dalam dan luar negeri mengenai peningkatan COVID-19 membangkitkan kekhawatiran mengenai kebersihan. Pada awal pandemik COVID-19 dulu, orang ramai berpusu-pusu ke kedai membeli barang-barang kebersihan diri seperti sabun pencuci tangan, *spray* serta pelitup muka. Seiring dengan masa berlalu dan pandemik sudah dapat dikawal, maka sikap menjaga kebersihan itu mulai semakin pudar. Sikap seperti ini perlu diubah kerana kita tidak tahu bila pandemik penyakit ini akan hilang sepenuhnya. Menjaga kebersihan diri, keluarga dan persekitaran kita tidak ada had waktu tertentu tetapi hendaklah dilakukan setiap masa. Tidak ada ruginya sentiasa

mengamalkan kebersihan kerana akhirnya kebaikan itu akan berbalik kepada diri kita juga.

Peranan ibu bapa sangat penting untuk mendidik remaja agar menjaga kebersihan diri sejak kecil lagi. Ibu bapa perlu mengajar dan melatih anak-anak mereka mengutamakan kebersihan diri dan kebersihan persekitaran tempat tinggal pada setiap masa. Kebersihan diri seperti menggosok gigi, mandi, mencuci tangan dengan sabun dan berpakaian bersih perlu dijadikan amalan hidup seharian. Bagi mengelakkan jangkitan kuman atau penyakit, anak-anak harus diajar untuk mengamalkan budaya mendisiplinkan diri dengan asas-asas kebersihan seperti mencuci tangan dengan bersih sebelum makan, menutup makanan dengan baik agar tidak dihirup lalat dan juga memilih tempat makan yang bersih semasa menjamu selera.

Di samping itu, media massa boleh memainkan peranan dalam mendidik remaja agar mengutamakan kebersihan diri dan persekitaran dalam kehidupan masyarakat. Media massa haruslah memaparkan iklan tentang kesedaran terhadap kebersihan diri dan alam sekitar dalam kehidupan seharian.

Sebagai kesimpulan, kesedaran orang ramai tentang kepentingan kebersihan diri perlu ditingkatkan. Setiap individu perlu mendisiplinkan diri dalam aspek penjagaan kebersihan diri. Masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama akan sentiasa berada di hadapan dengan mengutamakan kebersihan ke arah kehidupan yang sihat.





MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri semasa mengadakan Mesyuarat Siri 07/2025.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4

MUKIM MENTIRI, Sabtu, 24 Mei. – Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara

(RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri telah mengadakan Mesyuarat Siri 07/2025, baru-baru ini. Mesyuarat tersebut diadakan di

Dedah maklumat asas mengenai ASEAN



JERAYAWARA Kenali ASEAN yang diadakan di Sekolah Menengah Awang Semaun.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. – Dalam usaha untuk membarigakan dan memberikan pendedahan yang meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Awang Semaun, hari ini.

Seramai 300 orang pelajar Tahun 7,8 dan 9 menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan serbaguna sekolah tersebut. Turut hadir semasa jerayawara, Pengetua Sekolah, Awang Haji Mohd. Fadhillah bin Haji Ismail dan para tenaga pengajar.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antara lain menyentuh untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Selain itu, para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenali ASEAN bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengetua Sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan Jabatan Penerangan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkinkan hala tuju negara satu masa nanti.

MESYUARAT BINCAANG AKTIVITI KAMPUNG

kediaman Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, di sini.

Mesyuarat tersebut didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Setiausaha 1 MPK, Awang Haji Md. Ali Fajilah bin Haji Sali dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada pengerusi iaitu Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 4 Kampung Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Antara pengisian mesyuarat tersebut ialah membincangkan mengenai ibadah korban / akikah yang tidak lama lagi akan diadakan. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti belia di kawasan kampung berkenaan dan seterusnya membincangkan mengenai cara untuk menghidupkan kembali tradisi lama iaitu hadrah.

Seterusnya, mesyuarat juga menyentuh mengenai program-program keagamaan iaitu seperti dikir dan tausiyah di mana program ini akan dapat mengisi ruang dengan aktiviti yang bermanfaat khususnya bagi belia-beliawanis kampung.

Dalam masa yang sama, mesyuarat tersebut juga menyentuh mengenai rancangan untuk mengadakan aktiviti Kempen Kebersihan yang dilakukan secara bergotong-royong khususnya di kawasan berumput di tapak gerai di kampung berkenaan.

Agenda terbesar dalam mesyuarat tersebut adalah perancangan bagi menghidupkan perekonomian di kampung berkenaan iaitu dengan membantu

masyarakat kampung khususnya Berserumpun Kawasan 4 untuk mengadakan aktiviti berjual beli di tapak gerai yang akan disediakan nanti.



Meningkatkan kemahiran kendali sistem hidroponik

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Persatuan Aftercare Support Association



PERSATUAN Aftercare Support Association (AFSA) semasa mengadakan Ceramah Khas bagi memfokuskan kepada Tanaman Sistem Hidroponik dengan cara yang betul.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. – Dalam usaha untuk meningkatkan dan memberikan kemahiran khususnya dalam bidang pengurusan Tanaman Sistem Hidroponik bagi Rakan Seliaan (RS), Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) telah mengadakan Ceramah Khas bagi memfokuskan kepada Tanaman Sistem Hidroponik dengan cara yang betul, hari ini.

Ceramah tersebut disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Seksyen Kemajuan Industri Tanaman, Agromakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Dayang Nordiah binti Haji Wahab, Awang Abd. Azim bin Awang Tujoh, Awang Mohammad Hafie Huzaini, Mexweel Janlita, Dayang Siti Norziah binti Sulai dan Dayang Suryana binti

Sulai.

Seramai 10 orang RS telah menghadiri ceramah tersebut di mana antara isi kandungan ceramah yang disampaikan ialah mengenai pengenalan sistem hidroponik, bahan-bahan hidroponik, jenis-jenis tanaman secara hidroponik, penggunaan baja 'A' dan 'B' yang digunakan dalam sistem ini, teknologi hidroponik, analisa kewangan bagi sistem hidroponik, demonstrasi penggunaan sistem hidroponik dan akhir sekali sesi soal jawab.

Turut hadir semasa ceramah tersebut ialah Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya dan Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri serta Ahli-ahli AFSA.

Timbalan Yang Dipertua AFSA menyatakan bahawa ceramah tersebut sangat bermanfaat khususnya dalam meningkatkan dan menambah lagi ilmu pengetahuan khususnya dalam Tanaman Sistem Hidroponik. "Tanaman serupa ini sangat baik, bersih, selamat untuk dimakan dan harga pembinaannya yang bersesuaian serta mudah dilaksanakan," ujar Awang Haji Mustapa lagi.

"Semoga dengan ceramah ini, RS akan dapat mengaplikasikan Tanaman Sistem Hidroponik ini di kediaman masing-masing nanti," tambahnya lagi.

PRABOWO PUJI SOKONGAN CHINA TERHADAP PALESTIN



JAKARTA, 25 Mei. - Presiden Indonesia Prabowo Subianto memuji sokongan China terhadap negara-negara membangun serta pendirian konsisten negara itu dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin.

"Sehingga kini, kepimpinan China - khususnya dalam mempertahankan hak rakyat Palestin - terus menjadi sumber inspirasi kepada kita semua," katanya semasa Majlis Resepsi Perniagaan Indonesia-China 2025 yang berlangsung di Jakarta Pusat, Sabtu malam.

Majlis anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Indonesia (KADIN) itu turut dihadiri Perdana

Menteri China Li Qiang, yang tiba di Indonesia pada Sabtu bagi lawatan rasmi selama tiga hari.

Dalam pada itu, Prabowo turut menekankan kepentingan strategik hubungan Indonesia-China, menyifatkannya sebagai kunci dalam memelihara keamanan dan kestabilan serantau.

"Hubungan antara Indonesia dan China sangat strategik, amat penting dan penuh harapan, dengan potensi membentuk keamanan serta kestabilan di seluruh rantau kita," katanya.

Beliau turut memuji ketamadunan kuno dan nilai budaya China yang mengutamakan 'kebaikan dan

manfaat bersama' serta usaha negara itu dalam menjamin keamanan dan keharmonian sejagat.

Prabowo turut mengiktiraf sokongan bersejarah China terhadap gerakan pembebasan global, meskipun negara itu masih dalam fasa awal pembangunannya, dan menyatakan kekaguman terhadap penentangan China yang berterusan terhadap penindasan, imperialisme, kolonialisme dan apartheid.

Dalam masa sama, beliau mengulangi komitmennya untuk mempererat hubungan dengan China dengan menekankan

keperluan memperluas kerjasama melangkaui bidang perdagangan - termasuk dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, pelancongan dan penyelidikan saintifik - memandangkan jumlah dagangan tahunan dua hala melebihi US\$130 bilion.

Menurut kenyataan rasmi Sekretariat Presiden, Prabowo

sekali lagi menegaskan komitmen beliau untuk terus memelihara serta memajukan hubungan dua hala yang sedia terjalin.

"Hubungan kita tidak seharusnya terbatas kepada aspek ekonomi semata-mata. Kita perlu mempererat persahabatan dan bekerjasama merentas semua sektor," katanya. - ©BERNAMA

Perancis kesan varian COVID-19 terbaharu buat kali pertama

ISTANBUL, 24 Mei. - Perancis mengesan empat kes melibatkan varian baharu COVID-19 dikenali sebagai NB.1.8.1 buat kali pertama, lapor Anadolu Ajansi.

Empat kes varian itu dikenal pasti oleh Pusat Rujukan Nasional di Lyon, menurut saluran penyiaran BFMTV pada Jumaat.

"Beberapa negara telah melaporkan kehadiran varian ini. Di Perancis, kami menemukan

beberapa kes tidak banyak - empat kes telah dikenal pasti, baik di hospital mahupun dalam komuniti," kata ahli virologi, Bruno Lina.

Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah (ECDC) turut memaklumkan bahawa sehingga April lalu, beberapa kes NB.1.8.1 dikesan di Jerman, Ireland, Belanda, Sepanyol dan Sweden.

Varian NB.1.8.1 kini dominan di

China dan sedang menular di beberapa bahagian Asia, menyebabkan peningkatan kes jangkitan dan kemasukan ke hospital di Hong Kong dan Taiwan.

Walaupun dipercayai tidak menyebabkan gejala penyakit yang lebih serius, pihak berkuasa menasihatkan pemakaian pelitup muka di kawasan sesak serta meningkatkan bekalan vaksin dan rawatan. - ©BERNAMA

Boeing capai perjanjian dengan DOJ AS untuk elak pendakwaan berhubung nahas 737 Max

SAN FRANCISCO, 24 Mei. - Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) pada Jumaat mengumumkan bahawa pihaknya mencapai perjanjian tanpa pendakwaan dengan syarikat Boeing susulan dua nahas maut membabitkan pesawat 737 Max yang meragut 346 nyawa, lapor agensi berita Xinhua.

Dalam pemfailan kepada mahkamah persekutuan di Texas, DOJ menyifatkan perjanjian itu sebagai 'penyelesaian yang adil dan wajar demi kepentingan awam', sambil menekankan bahawa ia memberikan pertanggungjawaban segera serta manfaat ketara kepada keluarga mangsa, di samping mengelakkan ketidakpastian dan risiko percabaran.

Melalui perjanjian itu, Boeing akan mengelak daripada sabitan jenayah dan percabaran yang dijadualkan berlangsung bulan depan.

Menurut dokumen mahkamah, Boeing perlu 'membayar atau melabur' lebih US\$1.1 bilion.

Jumlah itu merangkumi denda jenayah sebanyak US\$487.2 juta.

Denda berjumlah US\$243.6 juta yang telah dibayar sebelum ini akan dikreditkan.

Selain itu, perjanjian turut memperuntukkan US\$444.5 juta

untuk dana baharu kepada mangsa nahas, serta US\$445 juta lagi bagi program pematuhan, keselamatan dan kualiti.

Susulan dua nahas yang berlaku di Indonesia dan Ethiopia, Boeing dituduh bersubahat menipu pihak pengawal selia dengan menyembunyikan maklumat penting berhubung sistem kawalan penerbangan 737 Max yang terlibat dalam kedua-dua insiden.

Pada 2021, syarikat itu mencapai perjanjian pendakwaan tertunda untuk mengelak prosiding jenayah, melibatkan pembayaran keseluruhan US\$2.51 bilion - termasuk denda jenayah US\$243.6 juta, pampasan US\$500 juta kepada keluarga mangsa, dan US\$1.77 bilion kepada pelanggan syarikat penerbangan.

"Para pekerja Boeing memilih keuntungan berbanding ketelusan dengan menyembunyikan maklumat penting daripada Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) berkaitan operasi pesawat 737 Max dan berusaha menutup penipuan itu," kata Penolong Peguam Negara ketika itu, David Burns, susulan perjanjian 2021.

Perjanjian 2021 itu dijadualkan tamat dua hari selepas insiden panel pintu tercabut daripada pesawat 737 Max 9 milik Alaska

Airlines pada 5 Januari 2024, yang berlaku selepas pesawat itu meninggalkan kilang Boeing tanpa pemasangan bolt utama.

Ekoran insiden itu, pihak pendakwa mendakwa Boeing melanggar syarat perjanjian 2021 kerana gagal melaksanakan program pematuhan dan etika yang berkesan.

Pada Julai 2024, Boeing bersetuju untuk mengaku bersalah terhadap tuduhan penipuan jenayah dalam satu perjanjian baharu yang membawa potensi denda US\$487.2 juta.

Peguam kepada keluarga mangsa membantah keras perjanjian itu, menyifatkannya sebagai hukuman ringan terhadap syarikat gergasi berkenaan.

Seorang hakim persekutuan akhirnya menolak perjanjian itu atas kebimbangan berhubung kriteria keterangkuman, kepelbagaian dan kesaksamaan dalam pelantikan pemantau korporat.

Keluarga mangsa nahas sebelum ini turut mengkritik perjanjian terdahulu sebagai terlalu ringan, dan menuntut pertanggungjawaban yang lebih besar serta menggesa agar pihak pengurusan tertinggi Boeing dihadapkan ke muka pengadilan. - ©BERNAMA

Denda sehingga US\$26,670 salah guna visa lawatan bagi tujuan haji - Kementerian Dalam Negeri Saudi

RIYADH, 24 Mei. - Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi mengumumkan denda sehingga 100,000 riyal Saudi (US\$26,670) akan dikenakan terhadap mana-mana individu yang memohon sebarang jenis visa lawatan bagi pihak individu yang menunaikan atau cuba menunaikan ibadah haji tanpa permit sah, atau yang memasuki atau tinggal di Mekah dan kawasan Tanah Suci dari 1 Zulhijjah hingga 14 Zulkaedah 1446 Hijrah.

Jumlah denda akan digandakan mengikut bilangan individu yang diberikan visa lawatan dan melanggar peraturan itu, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Kementerian menyeru orang ramai agar mematuhi segala peraturan dan arahan berkaitan ibadah haji, yang bertujuan memastikan keselamatan serta kelancaran urusan jemaah dalam menunaikan ibadah.

Orang awam turut digalakkan melaporkan sebarang pelanggaran dengan menghubungi talian 911 bagi kawasan Mekah, Madinah, Riyadh dan Wilayah Timur, atau 999 bagi kawasan lain di seluruh Kerajaan Arab Saudi. - ©BERNAMA

Universiti Hong Kong tawar tempat kepada pelajar antarabangsa dari Harvard

MOSCOW, 24 Mei. - Universiti Sains dan Teknologi Hong Kong (HKUST) pada Jumaat mengumumkan jemputan kepada pelajar antarabangsa yang mungkin kehilangan status sah mereka di Universiti Harvard ekoran larangan yang dikenakan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat (DHS), lapor Sputnik/RIA Novosti.

Larangan itu diumumkan pada Khamis.

Bagaimanapun, pada pagi Jumaat, sebuah mahkamah daerah AS di Massachusetts membenarkan permohonan Harvard untuk menangguhkan pelaksanaan larangan, yang melibatkan pengambilan pelajar asing di institusi itu.

"Universiti Sains dan Teknologi Hong Kong (HKUST) hari ini mengumumkan jemputan terbuka kepada pelajar antarabangsa peringkat ijazah sarjana muda dan pascasiswazah yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Harvard, serta mereka yang telah menerima tawaran pengajian daripada universiti itu untuk meneruskan pengajian mereka di HKUST," menurut kenyataan institusi.

Universiti berkenaan turut menawarkan penerimaan tanpa syarat, proses permohonan yang dipermudahkan serta sokongan akademik bagi memastikan peralihan yang lancar bagi pelajar yang berminat.

Pada Khamis, Setiausaha DHS Kristi Noem mengumumkan bahawa jabatan itu secara efektif melarang Harvard menerima pelajar antarabangsa bagi tahun akademik 2025-2026, dan mengarahkan semua pelajar asing semasa di universiti itu untuk berpindah ke institusi lain.

Beliau merujuk kepada keengganan Harvard mematuhi permintaan maklumat oleh jabatan itu, selain menuduh institusi itu mewujudkan persekitaran kampus yang tidak selamat kepada pelajar Yahudi, menyokong sentimen pro-Hamas dan mengamalkan dasar 'kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman' yang dianggap rasis. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



BRUNEI DPMM FC BERAksi CEMERLANG



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 24 Mei. - Brunei DPMM FC berjaya meraih tiga mata penuh setelah menewaskan Hougang United FC dengan keputusan berakhir 3 - 2 pada perlawanan terakhir Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League-SPL) Musim 2024/2025 yang

berlangsung di Town Square, Our Tampines Hub, Republik Singapura.

Dengan kemenangan berkenaan, Brunei DPMM FC kini menduduki tempat kelima dengan 44 mata, sekali gus mendahului Albirex Niigata FC (S) yang kekurangan satu perlawanan.

AKSI perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Hougang United FC pada perlawanan terakhir Liga Perdana Singapura Musim 2024/2025 berlangsung di Town Square, Our Tampines Hub, Republik Singapura (kiri sekali dan kiri).

Gol bagi Brunei DPMM FC masing-masing dijaringkan oleh Davis Ikaunieks dengan dua jaringan, manakala Miguel Oliveira dengan satu jaringan. Sementara itu, jaringan bagi Hougang United pula dijaringkan oleh Shodai Yokoyama dan Dejan Racic.

Babak pertama perlawanan menyaksikan pasukan tuan rumah dengan bijak melakukan serangan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-2 menerusi Shodai Yokoyama.

Kedua-dua pasukan seterusnya saling berbalas serangan dengan rentak dan intensiti perlawanan yang perlahan.

Pada minit ke-33 pula, Davis Ikaunieks yang beraksi cemerlang pada perlawanan

tersebut mula menunjukkan taringnya setelah melakukan gerakan yang bijak dan akhirnya berjaya menjaringkan gol dengan tenang dari jarak dekat, menjadikan perlawanan mula memanas.

Pada separuh masa kedua pula, Brunei DPMM FC mula mengatur serangan dengan bijak dan membuahkan hasil apabila Davis Ikaunieks sekali lagi beraksi cemerlang, dan kali ini membuat sepakan di luar kotak penalti yang menewaskan penjaga gawang Hougang United pada minit ke-46.

Hougang United seterusnya berjaya menyamakan jaringan menerusi Dejan Racic yang melakukan sepakan melencong menewaskan penjaga gawang Brunei DPMM FC pada minit ke-68.

Seterusnya, Brunei DPMM FC sekali lagi berjaya mendahului pasukan tuan rumah apabila Miguel Oliveira melakukan gerakan lincah dan seterusnya menjaringkan gol menerusi sepakan kaki kiri yang menewaskan penjaga gawang Hougang United pada minit ke-77.

Keputusan perlawanan kekal 3 - 2 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Pemilihan atlet paralimpik untuk sertai sukan peringkat serantau, antarabangsa



Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Mei. - Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam (MPNBD) telah mengadakan pemilihan atlet-atlet para bagi

persediaan menyertai sukan peringkat serantau dan antarabangsa, hari ini. Seramai 95 orang pelajar berkeperluan khas dari

sekolah-sekolah, maktab-maktab, pusat bahagia dan persatuan-persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU) telah hadir untuk menjalani pemilihan tersebut di Padang Ong Sum Ping, di sini.

Pemilihan itu turut disertai oleh

atlet dalam Kategori OKU termasuk OKU Penglihatan, OKU Intelek, OKU Anggota dan OKU Berkerusi Roda bagi memberikan peluang kepada pelajar-pelajar OKU untuk bergiat aktif dalam bidang sukan.

Presiden MPNBD, Awang Haji

ANTARA yang hadir menyaksikan sesi pemilihan tersebut, Timbalan Presiden Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang (kiri) dan gambar kiri sekali, sebahagian pelajar berkeperluan khas yang hadir menjalani sesi pemilihan tersebut.

Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dan Timbalan Presiden, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang turut hadir menyaksikan sesi pemilihan berkenaan.

Atlet-atlet yang berjaya dalam pemilihan ini akan ditawarkan untuk menjalani sesi latihan sebagai persediaan ke peringkat kelayakan, sebelum dipilih mewakili negara dalam kejohanan sukan para di peringkat serantau dan antarabangsa.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LAHIRKAN MASYARAKAT YANG HARMONI, BERSATU PADU